Jilid 1
Bil. 35

Hari Isnin
30hb Oktober, 1995

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KESEMBILAN

Ninth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

MESYUARAT KETIGA

Third Meeting

Jilid 1
Bil. 35

Hari Isnin
30hb Oktober, 1995

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KESEMBILAN

Ninth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

MESYUARAT KETIGA

Third Meeting

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 21]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-Undang Perbekalan 1996 [Ruangan 56]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1996 [Ruangan 56]

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA LUMPUR
1997
PNMB

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KESEMBILAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

,, Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

,, Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

,, Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

,, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

,, Menteri Pertanian, DATUK SERI AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

,, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

,, Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

,, Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).

,, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

,, Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).

,, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).

Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).

,, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).

,, Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).

,, Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).

,, Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).

,, Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).

,, Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).

,, Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).

,, Menteri Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).

,, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN OTHMAN, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik).

Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).

,, Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).

,, Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).

,, Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).

,, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJUL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

,, Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).

,, Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).

,, Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).

,, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).

,, Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).

,, Timbalan Menteri Luar Negeri, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).

,, Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DRS. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).

,, Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).

,, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).

,, Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).

,, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).

,, Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).

,, Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).

,, Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).

,, Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).

,, Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).

,, Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).

,, Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah).

,, Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

,, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).

,, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).

,, Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK WIRA MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).

,, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).

,, Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).

,, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).

,, Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

,, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, P.J.K. (Besut).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).

,, Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MUHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran).

,, Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR. HAJI SHAFIE BIN MOHD. SALLEH, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN (Tenggara).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K. (Semporna).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL, P.J.K. (Hulu Selangor).

,, TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).

,, TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).

,, TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).

,, TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).

,, TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).

,, TUANHAJI ABDUL RAHIN BIN DATO' MOHD. SAID (Kuala Nerus).

,, TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar).

,, DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).

,, DATO'HAJI ABU DAHARI BIN OSMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.J.K. (Lipis).

,, DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah).

,, TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG, A.M.N. (Kuala Pilah).

,, TUAN AHMAD HUSNI BIN MOHD. HANADZLAH, P.P.T., A.M.P. (Tambun).

Yang Berhormat TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA, P.J.K. (Jerantut).

,, DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok).

,, PUAN AINON KHARIYAH BINTI DATO' MOHD. ABAS, P.M.P., A.M.P. (Parit).

,, TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).

,, DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Marudu).

,, TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).

,, TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Yan).

,, TUAN HAJI BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ (Hulu Langat).

,, TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).

,, TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).

,, TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timor).

,, CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA, P.J.K. (Sungai Petani).

,, TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).

,, TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).

,, DATO' JOSEPH CHONG CHEK AH, D.S.P.N. (Batu).

,, PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).

,, TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.S.M., S.S.A.P. (Merbok).

,, TUAN FU AH KIOW (Mentakab).

,, TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).

,, DATO' HANAFI BIN RAMLI, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun).

,, TUAN HASHIM BIN ISMAIL, P.P.N., P.I.S. (Ledang).

,, TUAN HENRYNUS AMIN, A.D.K. (Kinabalu).

,, DATO' HEW SEE TENG, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar).

,, TUAN HO CHEONG SING, A.M.N. (Ipoh Barat).

,, DATO' HON CHOON KIM, D.S.N.S. (Seremban).

,, TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).

,, TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).

,, TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).

,, PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' ISAHAK (Kota Bharu).

,, TUAN JACOB DUNGAU SAGAN, P.P.B. (Baram).

,, DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN DATO' MOHD. JARJIS, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin).

,, TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGA, P.B.S. (Kapit).

,, TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).

,, TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).

,, TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).

,, DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

,, DATO' DR. KAMAL BIN SALLEH, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju).

Yang Berhormat TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).

,, TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

,, DR. L. KRISHNAN, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang).

,, TUAN LAU NGAN SIEW, A.D.K. (Sandakan).

,, DR. LEE CHONG MENG (Bukit Bintang).

,, DR. G. LEELAVATHI, A.M.N. (Kapar).

,, TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

,, TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).

,, TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).

,, TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).

,, TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).

,, PUAN LIM LAY HOON, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai).

,, TUAN LIM SI CHENG, P.I.S. (Senai).

,, TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).

,, TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM, A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam).

,, TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).

,, DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI, A.S.D.K., J.P. (Bandau).

,, TUAN MD. ISA BIN SABU (Kangar).

,, TUAN MICHAEL LISA KAYA, B.B.S. (Bukit Mas).

,, TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).

,, TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).

,, TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).

,, DATUK MOHD. SALLEH BIN TUN SAID, P.G.D.K. (Kota Belud).

,, DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).

,, TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).

,, TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K., J.P. (Hulu Terengganu).

,, TUAN HAJI NIK MOHD. AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).

,, TUAN NOH BIN OMAR, P.J.K. (Tanjong Karang).

,, DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).

,, DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).

,, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

,, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

,, DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

,, TUAN PAUL NOUTIN, A.D.K. (Penampang).

,, TUAN PHILIP YONG CHEW LIP, A.D.K. (Gaya).

Yang Berhormat DATO' QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).

,, TUAN RADIN MALLEH (Tenom).

,, DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).

,, MULIA TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

,, TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).

,, TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).

,, PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM, P.P.B. (Santubong).

,, TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD, P.I.S. (Parit Sulong).

,, TUAN SALAMON BIN SELAMAT, S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam).

,, DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).

,, PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).

,, DATUK S'NG CHEE HUA, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau).

,, DATUK SONG SWEE GUAN, P.G.D.K. (Bandar Kuching).

,, CIK SUKINAM DOMO (Batang Sadong).

,, DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED, D.J.M.K., J.P. (Machang).

,, DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).

,, DR. TAN KEE KWONG (Segambut).

,, TUAN TAN KOK WAI (Cheras).

,, DR. TAN SENG GIAW (Kepong).

,, DR. TAN YEE KEW (Kelang).

,, TUAN TIONG THAI KING (Lanang).

,, TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN, P.I.S. (Gelang Patah).

,, WAN HANAFIAH BIN WAN SAMAN, B.K.M. (Pokok Sena).

,, WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR, P.B.S. (Batang Lupar).

,, TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).

,, TUAN WONG KAM HOONG, K.M.N. (Bayan Baru).

,, DATO' YAP PIAN HON, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang).

,, DR. YAP YIT THONG, A.M.P., A.M.N. (Lumut).

,, DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).

,, TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).

,, TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).

,, TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).

,, DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB, A.D.K. (Sipitang).

,, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).

,, TUAN HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI MOHAMAD NOR, S.M.K. (Pasir Mas).

,, DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.

Ketua Penolong Setiausaha: Said bin Sidik.

Pmk. Ketua Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman.

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah.

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
Haji Suhor bin Husin.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.

Hajah Supiah binti Dewak.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Hajah Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 30hb Oktober, 1995

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

INSURANS KEMALANGAN BERKELOMPOK— PERLINDUNGAN KEPADA PELAJAR SEKOLAH

1. Tuan Mansor bin Masikon minta Menteri Pendidikan menyatakan:

(a) sehingga bulan Oktober 1995, berapa ramaikah penuntut sekolah di semua peringkat yang telah diberi perlindungan insurans kemalangan berkelompok;

(b) adakah kementerian bercadang untuk membayarkan premium yang dikenakan oleh syarikat-syarikat insurans ke atas perlindungan tersebut;

(c) oleh kerana semua penuntut sekolah dimestikan membeli perlindungan insurans berkelompok, adakah kementerian bercadang untuk melindungi semua guru sekolah dengan perlindungan insurans kemalangan berkelompok; dan

(d) jika sekiranya kementerian mencadangkan demikian, adakah premium bagi perlindungan tersebut akan ditanggung oleh kerajaan.

Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk Dr. Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan:

(a) Sehingga bulan Oktober 1995, adalah didapati lebih kurang 10% daripada jumlah pelajar yang diberi perlindungan insurans yang dikenalkan oleh sekolah masing-masing.

Skim Perlindungan Insurans Berkelompok yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan akan berkuatkuasa pada sesi persekolah 1995/1996 yang bermula pada 3hb atau 4hb Disember 1995. Adalah dijangka setelah skim insurans ini dilaksanakan, semua pelajar akan diberi perlindungan.

(b) Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk membayar premium yang dikenakan oleh syarikat-syarikat insurans.

(c) Setakat ini, Kementerian Pendidikan belum bercadang untuk memasukkan guru di bawah Skim Perlindungan Insurans Berkelompok tersebut.

(d) Kementerian juga belum bercadang untuk menanggung pembayaran premium bagi perlindungan tersebut.

Tuan Mansor bin Masikon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya

ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, sejak skim insurans ke atas murid-murid sekolah ini dilaksanakan, berapakah bilangan tuntutan yang telah dibuat dan berapa banyakkah pampasan yang telah dibayar? Jika sekiranya ada angka-angka itu bolehlah dijawab, kalau tidak, boleh dijawab dengan bertulis. *(Ketawa).*

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, skim insurans berkelompok ini akan mula berkuatkuasa pada sesi persekolahan yang akan datang, iaitu apabila sesi persekolahan mula pada 3hb atau 4hb Disember, 1995.

Berkaitan dengan bilangan pelajar-pelajar yang dahulu ada perlindungan insurans, bilangan yang telah buat tuntutan itu saya akan jawab secara bertulis.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya dua soalan, baru teringat satu soalan sahaja. Saya memang mengalu-alukan insurans ini tetapi soalan saya berapa luaskah skop insurans ini diberi kepada murid-murid sekolah? Adakah ini melibati semua aktiviti kokurikulum?

Tuan Yang di-Pertua: Yang akan diadakan itu, ya?

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ya.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, skim insurans berkelompok yang akan dilaksanakan akan memberi perlindungan yang luas, iaitu perkhidmatan 24 jam sehari semalam dan meliputi seluruh dunia.

Datuk Joseph Pairin Kitingan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah skim insurans ini sudah dilaksanakan di negeri Sabah?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan bercadang untuk laksanakan skim insurans berkelompok ini kepada semua pelajar di semua negeri.

KEGANASAN DI JALAN RAYA—HUKUMAN

2. Dr. Tan Kee Kwong minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sehubungan dengan peningkatan kejadian keganasan yang berlaku di jalan raya agar mempertimbangkan pelaksanaan hukuman maksimum termasuk menyebat dengan rotan atas mereka yang disabit kesalahan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, kementerian tidak bercadang untuk membuat peruntukan tambahan khas untuk masalah keganasan yang berlaku di jalan raya oleh kerana peruntukan-peruntukan undang-undang masa kini memadai untuk menangani masalah tersebut. Sebagai contoh, seksyen 326 Kanun Keseksaan memperuntukkan hukuman tidak melebihi 20 tahun dan denda serta sebat rotan ke atas kesalahan yang sengaja menyebabkan kecederaan parah.

INFRASTRUKTUR MAKLUMAT NEGARA—PENYEDIAAN

3. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada pihaknya mempunyai satu strategi khusus untuk menyediakan infrastruktur maklumat negara (national information infrastructure) yang komprehensif.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, penentuan strategi dan perancangan pembangunan infrastruktur maklumat negara adalah di bawah tanggungjawab Majlis Teknologi

Maklumat Negara, Jabatan Perdana Menteri:

(i) Infrastruktur telekomunikasi sedang dibangunkan untuk menyokong pembangunan lebuh raya maklumat negara yang berkeupayaan tinggi dari segi kelajuan penghantaran maklumat supaya boleh digunakan untuk aplikasi moden berasaskan multi-media oleh semua golongan masyarakat di seluruh negara dalam dan luar bandar.

(ii) Penumpuan akan diberi kepada penubuhan Koridor Raya Multi-Media (iaitu kawasan berkeluasan 600 km persegi yang merangkumi Kuala Lumpur, Putrajaya dan Lapangan Terbang KLIA serta kawasan yang berdekatan dengannya) sebagai pemangkin utama untuk membangunkan kandungan maklumat bagi pelbagai aplikasi yang seterusnya akan menggalakkan pembangunan industri dan penguasaan teknologi yang berkaitan.

Melalui perancangan ini, industri baru berasaskan multi-media yang lebih produktif dan berdaya saing akan dapat diwujudkan dengan lebih cepat. Dalam masa yang sama, rancangan ini juga akan menghasilkan golongan tenaga manusia yang boleh menggunakan teknologi multi-media untuk menjalankan tugas masing-masing dengan lebih cekap, produktif, berdaya maju serta menghasilkan nilai tambah yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, MIMOS akan membangunkan rangkaian tulang belakang JARING yang lebih komprehensif dan berkelajuan tinggi supaya sesuai untuk aplikasi multi-media. Rangkaian ini akan menyambungkan semua daerah di seluruh negara bagi membolehkan penduduk mencapai maklumat dengan kos yang lebih rendah.

JARING juga akan mempunyai beberapa gateway antarabangsa berkelajuan tinggi untuk komunikasi dengan negara lain. Aplikasi dalam bidang pendidikan, pengurusan kerajaan dan perkhidmatan kesihatan akan diberi tumpuan untuk dibangunkan secara kerjasama dengan pelbagai pihak. Pihak industri akan digalakkan untuk menawarkan perkhidmatan nilai tambah melalui JARING.

SPEED BREAKERS—USAHA KERAJAAN

4. Tuan Chiew Chiu Sing minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada kementeriannya akan membina sesuatu bahan (speed breakers) dan papan tanda trafik untuk menjamin kekurangan kelajuan di simpang/tapak rumah panjang sepanjang Lebuh Raya Pan Borneo. Jika ya, bilakah akan siap. Jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Raily bin Haji Jaffrey): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Kerja Raya belum bercadang untuk membina speed breakers', dengan izin, untuk mengurangkan kelajuan di simpang atau tapak rumah panjang di sepanjang Lebuh Raya Pan Borneo kerana 'speed breakers' didapati tidak sesuai dan hanya mengganggu perjalanan kenderaan. Walau bagaimanapun, Kementerian Kerja Raya bercadang untuk memasang papan-papan tanda trafik yang mencukupi seperti tanda simpang 'T' di kawasan-kawasan tersebut untuk memberi amaran kepada pengguna-pengguna lebuh raya untuk menunjukkan jalan yang lebih selamat.

Tuan Chew Chiu Sing: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri bahawa saya mendapati banyak tempat seperti di Lambir, Semanjau, Selangau, Sarikei, Bentong dan lain-lain menghadapi kekurangan

papan tanda kadang-kadang tersalah meletakkan papan tanda, had laju 90 km berdekatan rumah panjang. Adakah kementerian merancang untuk mengatasi masalah ini?

Tuan Yang di-Pertua: Jawabnya dia telah jawab tadi, Yang Berhormat. Dia jawab ya.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Ya, memang ada, Tuan Yang di-Pertua.

IBU-IBU TUNGGAL & BALU-BALU—BANTUAN KERAJAAN

5. Puan Rohani binti Abdul Karim minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan tentang program atau latihan yang digubal bagi membantu serta membimbing ibu-ibu tunggal atau balu-balu yang terdapat dengan jumlah yang sekian meningkat, di mana kebanyakan mereka ini, khasnya di luar bandar, tidak mempunyai kelulusan akademik dan latihan untuk mendapat sebarang pekerjaan bagi menyara anak-anak.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau): Tuan Yang di-Pertua, ibu-ibu tunggal di negara kita sememangnya mendapat pembelaan daripada kerajaan khasnya daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Memang tidak dapat dinafikan banyak wujud persatuan ibu tunggal tetapi hanya satu sahaja yang berdafar dengan Jabatan kebajikan Masyarakat Malaysia iaitu Persatuan Ibu Tunggal Mas Merah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/ Selangor.

Persatuan ini cukup aktif dalam menjalankan kegiatan menolong kumpulan sasar yang kurang bernasib baik. Bagi tahun 1995 Jabatan Kebajikan Masyarakat meluluskan bantuan geran sebanyak RM10,000 untuk tujuan pentadbiran dan menjalankan kursus. Kini terdapat seramai 180 orang menjadi ahli persatuan ibu tunggal Mas Merah.

Bagi ibu tunggal di luar bandar, mereka diberi bantuan kewangan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat menerusi program Bantuan Kanak-kanak. Bagi tahun 1994, seramai 5,568 ibu tunggal menerima bantuan kanak-kanak yang memakan belanja sebanyak RM6,953,841. Di samping itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat negeri di Semenanjung Malaysia juga mempunyai peruntukan bantuan am yang diberi kepada ibu-ibu tunggal.

Di samping itu seramai 239 orang ibu tunggal diberi bantuan pelancaran sebanyak RM2,000 maksimum seorang untuk menjalankan perniagaan kecil, ternakan, jahitan dan lain-lain. Ibu-ibu tunggal juga digalakkan menyertai program wanita dalam pembangunan yang dikelolakan oleh Kebajikan Masyarakat terutama sekali di kawasan luar bandar. Dengan melibatkan diri dalam program ini, ibu-ibu tunggal dapat meningkatkan keupayaan dan kemahiran diri untuk pembangunan keluarga khasnya dan masyarakat amnya.

KOPERASI SHAMELIN—KERUGIAN TAHUNAN

6. Tuan Haji Mohamed bin Sabu minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan:

(a) kedudukan kewangan Koperasi Shamelin;

(b) adakah hutang terkumpulnya sudah ditutup; dan

(c) adakah benar dakwaan bahawa ia sudahpun insolvent.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Koperasi Shamelin telah mengalami kerugian tahunannya daripada operasinya sejak tahun 1986 lagi.

(b) Sehingga kini kerugian terkumpulnya yang sebanyak RM74 juta belum dapat diselesaikan.

(c) Memang benar bahawa koperasi ini adalah berkeadaan insolvent.

Tuan Haji Mohamed bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, adakah kerugian dan juga kelembapan Shamelin sehingga ke peringkat insolvent kerana kerugian dalam perniagaan ataupun penyelewengan pentadbiran dan cara perniagaan itu dibuat? Adakah penyelewengan pentadbiran atau kerugian dalam perniagaan?

Dato' Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini pihak Jabatan Pendaftaran Koperasi tidak mengesan sebarang penyelewengan yang berlaku di dalam Koperasi Shamelin. Umumnya satu-satu koperasi gagal bukan sahaja kerana mismanagement, dengan izin, ia juga adalah kerana poor management. Dalam hal ini, kita tidak pasti sama ada ianya merupakan mismanagement, dengan izin, ataupun poor management.

SYARIKAT USAHASAMA—PERLINDUNGAN KEPADA PELABUR TEMPATAN

7. Dato' Dr. Kamal bin Salleh minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan memandangkan semakin banyak pelabur asing yang telah dan dijangka akan menubuhkan syarikat usahasama dengan pelabur tempatan:

(a) sejauh mana rakan usahasama minoriti tempatan boleh mendapat perlindungan dari penyelewengan dalam urusniaga seperti "transfer pricing" yang dilakukan oleh rakan usahasama dari luar negeri itu; dan

(b) adakah pihak kementerian mempunyai cadangan untuk memperkuatkan kuasa kepada kementerian untuk memberi perlindungan kepada pelabur tempatan jika terdapat penyelewengan sebegini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein): Tuan Yang di-Pertua bagi tempoh tahun 1991 hingga 1994, MITI telah meluluskan 637 projek usahasama pelabur-pelabur asing yang melibatkan rakan usahasama minoriti daripada pelabur-pelabur tempatan. Daripada jumlah ini, sebanyak 419 projek telah beroperasi dan mengenai amalan "transfer pricing", dengan izin, yang dibangkitkan ini ianya hanya boleh dilakukan dalam beberapa bentuk:

(i) Syarikat induk pelabur asing di luar negeri boleh mengenakan harga yang tinggi ke atas barangan yang dibekalkan kepada anak-anak syarikat di Malaysia.

(ii) Anak-anak syarikat pelabur-pelabur luar negeri di Malaysia atas arahan syarikat induk di luar negeri boleh mengenakan harga yang rendah ke atas barangan yang dieksport kepada anak-anak syarikat pelabur asing di luar negeri.

(iii) Syarikat induk pelabur asing di luar negeri boleh mengenakan bayaran teknikal, pengurusan dan royalti yang tinggi ke atas anak-anak syarikat di Malaysia jika perjanjian usahasama tersebut melibatkan bantuan teknikal, pemindahan teknologi atau bantuan pengurusan.

Ketiga-tiga bentuk amalan transfer pricing ini bukan sahaja merugikan rakan minoriti daripada pelabur-pelabur tempatan malahan ia lebih merugikan kerajaan dalam bentuk pungutan, cukai pendapatan kerana syarikat-syarikat berkenaan boleh mengisytiharkan kerugian atau jumlah keuntungan yang lebih kecil.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun amalan transfer pricing ini adalah sukar dikesan, kerajaan sentiasa berwaspada ke atas amalan ini dengan mengambil langkah-langkah berikut:

(i) kerajaan sentiasa menyemak dengan teliti semua penyata cukai pendapatan yang dikemukakan oleh syarikat-syarikat asing yang beroperasi di Malaysia supaya amalan transfer pricing ini tidak berlaku.

(ii) Jabatan Kastam dan Eksais Di-Raja sentiasa memeriksa semua barangan yang diimport oleh syarikat-syarikat asing yang beroperasi di Malaysia dengan menentukan nilai sebenar barangan import tersebut serta cukai yang perlu dibayar.

(iii) MITI sentiasa menyemak semua perjanjian teknikal, pemindahan teknologi dan pengurusan yang akan ditandatangani oleh pelabur-pelabur tempatan dengan pelabur-pelabur asing dengan memastikan bahawa bayaran royalti pemindahan teknologi atau pengurusan adalah berpatutan.

Langkah-langkah yang saya telah sebutkan, yang dijalankan secara berterusan akan melindungi kepentingan rakan-rakan usaha-sama minoriti daripada pelabur-pelabur tempatan. Tetapi adalah juga menjadi tanggungjawab rakan-rakan usahasama minoriti daripada pelabur-pelabur tempatan tersebut, menjaga kegiatan-kegiatan rakan-rakan kongsi mereka daripada pelabur-pelabur asing, supaya tidak mengamalkan transfer pricing ini.

Buat masa ini kerajaan belum ada cadangan untuk memperkuatkan lagi kuasa MITI bagi memberi perlindungan kepada pelabur-pelabur tempatan untuk menangani amalan transfer pricing ini. Walau bagaimanapun amalan transfer pricing ini boleh dibendung jika dasar percukaian negara adalah kompetitif, menjadikan Malaysia sebagai pusat keuntungan (profit centre) dan syarikat-syarikat tidak dibebankan dengan cukai yang tinggi. Dengan rancangan kerajaan untuk mengurangkan cukai korporat secara berperingkat, maka adalah dijangkakan amalan transfer pricing ini akan berkurangan atau mungkin tidak akan berlaku lagi.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak kerajaan ataupun pihak kementerian membuat ketetapan dan satu garis panduan untuk menentukan jumlah ekuiti asing bagi pemilikan di dalam sektor perkilangan, kalau ada, apakah ketetapan yang telah ditetapkan untuk ekuti tersebut?

Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein: Untuk makluman Yang Berhormat dari Sungai Benut, memang kerajaan telah menetapkan syarat-syarat utama dan garis panduan untuk ekuiti asing dalam sektor perkilangan. Satu-satunya syarat utama adalah berasaskan kepada tahap eksport.

Syarat ekuiti tidak dikenakan di atas projek-projek yang mengeksport 80% atau lebih keluaran mereka. Bagi projek-projek yang mengeksport 51%-79% keluaran mereka, tahap pegangan ekuiti asing yang dibenarkan adalah sehingga 79%. Ianya ada kaitan dengan faktor-faktor lain, seperti tahap teknologi, kesan rantaian, saiz pelaburan, lokasi, nilai ditambah dan penggunaan bahan-bahan mentah dan komponen-komponen tempatan.

Bagi projek-projek yang mengeksport di antara 20%-50% keluaran mereka, tahap pegangan ekuiti asing yang dibenarkan ialah di antara 30%-51% dengan syarat-syarat atau faktor-faktor yang saya sebutkan tadi.

Selain daripada syarat utama yang berasaskan kepada tahap eksport, syarat-

syarat utama yang lain juga ada kaitan iaitu industri-industri strategik, Sebagai contoh industri-industri yang berteknologi tinggi diberi kelepasan atau kelonggaran untuk warganegara asing memegang 100% pegangan ekuitinya.

Keduanya, mengenai keluaran-keluaran yang berprioriti iaitu sebagai contoh perlombongan dan pemerosesan galian, pegangan majoriti ekuiti asing juga boleh sampai ke tahap 100% dan ianya terhad kepada faktor-faktor yang saya sebutkan tadi iaitu tahap pelaburan teknologi, risiko dan mewujudkan kepakaran warganegara Malaysia dan tahap integrasi dan nilai ditambah projek-projek berkenaan.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, daripada keberkesanan langkah-langkah yang telah diambil, sejauh manakah penyelewengan dalam urusan niaga tersebut berlaku ataupun tidak berlaku langsung dan apakah tindakan yang pernah diambil?

Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein: Seperti yang saya sebutkan tadi Tuan Yang di-Pertua, amalan 'transfer pricing' atau penyelewengan 'transfer pricing' memang sukar untuk dikesan. Ianya tertakluk kepada ketiga-tiga bentuk yang saya sebutkan dalam jawapan asal saya tadi.Tetapi kerajaan sentiasa peka dan prihatin bahawa ianya adalah satu amalan yang harus kita bendung dan satu Jawatankuasa Transfer Princing telah pun diwujudkan dan ditubuhkan pertengahan tahun ini yang dianggotai oleh Kementerian Kewangan, MITI dan juga Bank Negara, kerana ianya ada juga kaitan kepada, dengan izin, balance of payment kita.

Selain daripada langkah-langkah kerajaan, saya ingin menegaskan juga dan saya telah pun menegaskan dalam jawapan asal saya tadi bahawa ianya tergantung juga kepada pelabur-pelabur tempatan untuk memastikan bahawa penyelewengan ini tidak berlaku. Kementerian ini hanya berpeluang untuk meneliti syarat-syarat tersebut dalam beberapa keadaan sahaja.

Dalam perjanjian teknikal, perjanjian pemindahan teknologi atau pengurusan hanya syarat-syarat untuk meneliti penyelewengan ini di dalam syarat lesen pengilang dan syarat semasa memberikan atau meluluskan insentif. Selain daripada itu, tugas kementerian dan bidang kuasa kami agak terhad, terserah juga kepada pelabur-pelabur tempatan.

INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA— MEMBANTU USAHAWAN BUMIPUTERA

8. Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis minta menteri Pembangunan Usahawan menyatakan tentang pendekatan yang digubal oleh pihak kementerian untuk membantu usahawan-usahawan bumiputera Industri Kecil dan Sederhana (IKS) bagi menembusi pasaran bukan bumiputera dan luar negara seperti mendapat bekalan bahan-bahan mentah dan jentera serta alat-alat kilang dengan harga dan pembelian yang berpatutan.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan (Tuan Idris bin Jusoh): Tuan Yang di-Pertua, dengan menggunakan pendekatan yang mementingkan sasaran ataupun target oriented, dengan izin, dalam usahanya sebagai pemudahcara berkesan, Kementerian Pembangunan Usahawan menggalakkan kerjasama dan penglibatan aktif sektor swasta dan korporat bumiputera dan bukan bumiputera dalam melaksanakan program-program pembangunan usahawannya. Ini untuk membolehkan usahawan yang telah berjaya di sektor korporat berkongsi pengalaman dan peluang-peluang perniagaan dengan usahawan-usahawan baru atau sedang meningkat dan membimbing mereka ini memajukan bidang perusahaan masing-masing.

Kementerian sedar bahawa antara masalah utama dihadapi oleh Industri kecil dan Sederhana Bumiputera adalah mendapatkan bekalan bahan mentah, jentera serta alat-alat kilang dengan harga pembelian yang berpatutan dan pemasaran produk keluaran mereka. Bagi mengatasi masalah-masalah inilah, maka kementerian melibatkan sektor swasta dan korporat bumiputera dan bukan bumiputera serta syarikat-syarikat yang mempunyai kepentingan asing.

Sehingga kini penglibatan mereka telah membuahkan hasil yang menggalakkan seperti pelancaran Program Mentor pada bulan September, 1995. Kementerian juga telah menggalakkan pengwujudan usahasama tulen antara bumiputera dengan bukan bumiputera serta syarikat-syarikat asing. Bagi tujuan ini Skim Galakan Usahawan dengan dana permulaan RM280 juta telah pun dilancarkan. Di samping itu usaha sedang giat dijalankan untuk menjodohkan ahli-ahli Dewan Perniagaan Melayu dan Cina untuk mewujudkan syarikat-syarikat usahasama tulen. Dalam masa yang sama kementerian sedang berusaha melaksanakan projek bagi menjodohkan usahawan-usahawan bumiputera dengan golongan teknologis dalam rangka memperdagangkan hasil-hasil penyelidikan mereka.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menerangkan tentang peranan syarikat swasta membantu skim pembangunan IKS ini. Persoalan saya ialah bagaimana peranan atau penyertaan syarikat besar (multi-national), sebab kita banyak dengar dalam projek-projek besar, penglibatan syarikat daripada luar negeri di syarikat asing dalam projek-projek besar kerajaan, adakah syarikat swasta yang berbentuk multi-national ini juga memberikan satu sokongan atau kerjasama yang baik dalam membimbing pembangunan IKS ini?

Tuan Idris bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, di samping Program Mentor-Mentee yang telah saya katakan tadi, kebanyakannya diceburi oleh syarikat-syarikat tempatan, banyak syarikat MMC terlibat dalam program vendor kita. Besok kita akan menandatangani satu perjanjian di antara syarikat-syarikat MNC dengan bank-bank untuk memberi pembiayaan kepada vendor-vendor tempatan.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri awal tadi, beliau menyentuhkan program Mentor dan usahasama tulen. Saya ingin bertanya setakat ini berapa banyakkah syarikat IKS bumiputera yang telah mengambil bahagian dalam program ini, iaitu program Mentor dan usahasama tulen? Adakah sambutan setakat ini difikirkan memuaskan dan adakah syarikat-syarikat Sabah dan Sarawak yang terlibat dengan program ini?

Tuan Idris bin Jusoh: Untuk program Mentor-mentee ada 13 syarikat induk ataupun Mentor, dan 51 syarikat mentee. Kita belum ada lagi daripada Sabah dan Sarawak untuk program ini buat masa kini. Tetapi, insya-Allah, kita akan mencari daripada Sabah dan Sarawak tidak berapa lama lagi.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua,bahagian kedua tadi adakah difikirkan memuaskan atau tidak?

Tuan Idris bin Jusoh: Bolehlah saya jawab. Sambutannya agak memuaskan, dan sekarang masih ada lagi syarikat-syarikat yang masih dalam proses dan yang kita sedang nilaikan, dan kita akan senaraikan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Tiong Thai King.

(Soalan No. 9—Y.B. Tuan Tiong Thai King tidak hadir)

SKIM PERKESO—JUMLAH KES TUNTUTAN DITOLAK DAN MAJIKAN TANPA MENCARUM

10. Dr. Tan Yee Kew minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

(a) jumlah bilangan dan peratusan pemohonan tuntutan di bawah Skim-skim PERKESO yang telah ditolak sejak tahun 1994 hingga sekarang;

(b) sebab-sebab utama yang mengakibatkan permohonan itu ditolak;

(c) setakat manakah majikan mengelak daripada membayar caruman mereka atau tidak mendaftar kepada PERKESO;

(d) jumlah bilangan majikan yang telah didakwa sejak 1994 kerana gagal mematuhi peruntukan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969;

(e) apakah faedah dan pampasan kemalangan dan kematian diperuntukkan kepada pekerja asing yang sah dan pekerja kontrak; dan

(f) sama ada kerajaan bercadang untuk memperluaskan skim-skim PERKESO dan memasuki pekerjaan tersebut.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan,

(a) & *(b)* bilangan permohonan tuntutan yang ditolak dalam tahun 1994 ialah 4,592 kes, iaitu bersamaan 3.53% sahaja daripada jumlah permohonan yang diterima sebanyak 130,091. Bagi tahun Januari hingga Julai tahun ini, jumlah yang ditolak ialah 2,295 atau 3.29%. Semua permohonan tuntutan akan disiasat terlebih dahulu oleh PERKESO dan sebab-sebab utama ada permohonan ditolak ialah:

(i) ianya bukan satu kemalangan atau satu penyakit khidmat yang terbit daripada dan dalam masa menjalankan pekerjaan;

(ii) pemohon itu gagal disahkan sebagai ilat (invalid) dengan izin, oleh Jemaah Doktor atau Jemaah Doktor Rayuan untuk layak menerima pencen ilat; dan

(iii) tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan untuk mendapat faedah pencen ilat dan pencen penakat, survivor's pension, dengan izin, misalnya caruman dibuat adalah kurang daripada 24 bulan.

(c) PERKESO menjalankan usaha-usaha berterusan mengesan majikan-majikan yang layak tetapi tidak mendaftarkan perusahaan atau pekerja mereka melalui lawatan dan pemeriksaan sepanjang masa. Selain itu, PERKESO menjalankan program khas pemeriksaan pintu-ke-pintu setiap tahun untuk mengesan majikan-majikan seumpama itu. Pada April hingga Julai 1995, menerusi program pemeriksaan khas tersebut sebanyak 93,886 perusahaan telah dilawati dan 8,314 atau 8.9% telah didapati layak tetapi belum mendaftar dengan PERKESO. Tindakan memastikan majikan tersebut

berdaftar dengan PERKESO serta membayar caruman yang tertunggak, termasuk faedah ke atasnya sedang dijalankan.

(d) bilangan majikan yang telah didakwa sejak 1994 sehingga Jun 1995 kerana gagal mematuhi peruntukan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 ialah 143 kes.

(e & (f) sejak 1hb. April 1993 pekerja-pekerja asing yang sah tidak lagi diliputi di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Employees's Social Security Act 1969). Mereka layak dipertimbang faedah dan pampasan di bawah Akta Pampasan Pekerja 1952 (Workmen's Compensation Act 1952), dengan izin, jika berlaku bencana kerja di atas mereka. Melalui Akta Pampasan Kerja 1952, majikan-majikan adalah diwajibkan membeli insurans bagi melindungi pekerja-pekerja asing yang mereka gaji. Faedah-faedah dan pampasan yang diperuntukkan adalah sama seperti yang disediakan oleh PERKESO, misalnya faedah kematian, hilang upaya dan ilat dan amaunnya akan ditaksirkan oleh Jabatan Buruh di bawah Kementerian Sumber Manusia untuk pihak insurans membuat bayaran. Perbezaannya ketara ialah pembayaran-pembayaran adalah dibuat secara sekali gus (lump sum), kepada pekerja yang terbencana atau warisnya oleh pihak insurans.

Mengenai pekerja-pekerja kontrak, yang diambil bekerja di bawah suatu kontrak perkhidmatan atau kontrak perantisan, mereka layak diliputi di bawah PERKESO serta menikmati sepenuhnya faedah-faedah yang disediakan.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, jika ada majikan yang gagal mencarumkan premium untuk PERKESO ini, dan pekerja pun tidak sedar akan hal demikian, dan sekiranya ada kemalangan berlaku kepada pekerja ini, adalah pekerja ini akan menerima pampasan dan siapa akan bertanggungjawab atas pampasan ini?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, pekerja seperti itu seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat tetap serta layak dipertimbangkan faedah yang disediakan di bawah Skim Bencana Pekerjaan dan akan dibayar oleh PERKESO. Tetapi syarikat yang berkaitan terpaksa membayar balik carumannya berserta dengan interest, faedahnya sekali dan juga akan didakwa di mahkamah dan akan dikenakan denda ataupun penjara.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sedikit kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah PERKESO juga akan memberi bantuan pelajaran kepada anak-anak yang bapanya kemalangan?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya nyatakan, pihak PERKESO memberi bantuan berbagai-bagai kepada isteri yang ditinggal, termasuk juga anak-anak. Faedah-faedah ini selalunya dikaji dari semasa ke semasa. Apa yang telah dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah satu perkara yang masih sedang dalam kajian.

PERUNDANGAN ISLAM—PENYELARASAN

11. Tuan Hamzah bin Ramli minta Perdana Menteri menyatakan sejauh mana

usaha-usaha kerajaan untuk menyelaraskan pelaksanaan perundangan Islam di seluruh Malaysia terutamanya dari segi hukuman yang dijalankan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar bahawa undang-undang Islam perlu diperkemas dan diselaraskan pelaksanaannya di tiap-tiap negeri di seluruh negara. Oleh itu, kerajaan telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pakar di Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, iaitu Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil yang berfungsi membantu kerajaan menyediakan deraf pindaan dan cadangan bagi maksud memperkemas dan menyelaraskan undang-undang Islam di negara ini termasuklah hukuman yang dikenakan.

Usaha memperkemas dan menyelaraskan undang-undang Islam ini dilaksanakan berperingkat-peringkat mengikut keutamaan dan keperluan negara. Berbagai program telah diatur oleh Kerajaan Pusat dan Negeri bagi maksud tersebut seperti mengadakan dialog, seminar, perbincangan dan sebagainya. Program yang dijalankan amat berkesan serta mendapat kerjasama yang baik dari pakar perundangan syarak dan sivil dan setakat ini telah banyak undang-undang Islam yang telah dapat diselaraskan seperti Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak, Undang-undang Keluarga Islam, Prosedur Mal Mahkamah Syariah dan sebagainya.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas kepada kerajaan kerana telah menyelaraskan dan akan menyelaraskan hukuman perundangan Islam di seluruh tanah air kita ini. Ini adalah satu petanda yang baik, iaitu kerajaan kita adalah kerajaan Islam. Saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen sama ada kerajaan menghadapi apa-apa masalah dengan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk kita menyelaraskan perundangan Islam ini, terutama sekali di negeri Kelantan, dan juga termasuk kes-kes khalwat dan sebagainya, kalau Setiausaha Parlimen dapat memberi penjelasan? *(Ketawa)*

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua,izinkan saya membuat jawapan. Pada keseluruhannya banyak negeri memberikan kerjasama yang amat baik sepertimana yang saya nyatakan tadi. Tetapi oleh kerana ada sebuah negeri yang sentiasa hendak berlainan dari kita, memang menjadi sedikit masalah kepada kita dalam penyelarasan ini. Contohnya, dalam mahkamah yang mana semua negeri dalam mahkamah Islam ini telah mewujudkan Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah, kecuali negeri Kelantan, mahkamah-mahkamah ini masih lagi bersama dengan Jabatan Agama Negeri.

Saya difahamkan di antaranya mereka bersetuju untuk mengikut sebagaimana negeri-negeri lain tetapi oleh kerana tidak ada kemampuan, maka mereka tidak melaksanakan perkara ini. Tentang perkara-perkara yang lain, kadangkala memanglah apabila kita babitkan satu masalah dengan perkara yang lain, kadangkala kita menghukum satu hukuman itu kurang tepat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya bidang kuasa yang telah diamanahkan kepada jawatankuasa yang telah dibentuk ini terlalu sempit, tidak padan dengan satu jawatankuasa yang ditubuhkan oleh pihak kementerian. Ini menampakkan tidak adanya keseriusan kerajaan.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila bertanya.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua,

soalannya, siapakah mereka yang telah dilantik dalam jawatankuasa tersebut?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, siapa dia?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini serupa soalan hendak lulus periksa sahaja, hanya menanya siapa dalam jawatankuasa. Tetapi kalau sekiranya kita benar-benar bertanggungjawab hendak meninggikan syiar Islam, mesti kita mengemukakan soalan yang lebih bermutu. Jadi, kalau hanya bertanya siapa yang menduduki di dalam Jawatankuasa pakar tersebut—hanya saya jawab, kerajaan telah memilih ahli-ahli ilmu yang tinggi dalam bidang-bidang Islam yang berkaitan. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Radin Malleh.

(Soalan No. 12—Y.B. Tuan Radin Malleh tidak hadir).

INDUSTRI "AGRO-TOURISM"—PENGLIBATAN PETANI LUAR BANDAR

13. Tuan Noh bin Omar minta Menteri pertanian menyatakan:

(a) usaha-usaha yang sedang dan akan diambil untuk memajukan dan membantu masyarakat di luar bandar khasnya petani-petani untuk melibatkan diri dalam industri "agro-tourism";

(b) berapa banyak tempat atau lokasi yang telah dikenal pasti untuk dimajukan sebagai destinasi "agro-tourism" ini; dan

(c) apakah bidang-bidang pelancongan yang akan ditonjolkan dan diberi keutamaan dalam usaha kementerian memajukan industri "agro-tourism" ini.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Industri "agro-tourism" akan terus dibangun dan dimajukan di negara ini oleh kerana ianya dapat membantu masyarakat luar bandar khususnya petani, penternak dan nelayan untuk meningkatkan lagi pendapatan sampingan mereka dan memperbagaikan lagi produk-produk pelancongan negara yang berasaskan pertanian. Dalam hubungan ini, di antara usaha-usaha yang telah diambil oleh Kementerian Pertanian termasuklah membangunkan kampung-kampung tradisi masyarakat luar bandar melalui program "Homestay" di mana pelawat-pelawat dan pelancong-pelancong yang ingin menghayati tata kehidupan dan mempelajari kebudayaan dan memahami ekonomi masyarakat luar bandar akan tinggal bersama-sama keluarga yang dipilih di bawah program ini. Selain daripada program "Homestay", kementerian juga menggalakkan golongan petani, penternak dan nelayan untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang diadakan di pusat-pusat "agro-tourism" melalui penyediaan tapak perniagaan seperti "gerai ikan bakar", seperti tapak hasil-hasil jualan kampung dan kraftangan.

Penglibatan masyarakat luar bandar dalam kegiatan-kegiatan perniagaan dan pemasaran produk-produk berasaskan pertanian bukan sahaja secara individu akan tetapi ianya bolehlah dilaksanakan secara berpersatuan melalui persatuan-persatuan peladang dan nelayan, KEMAS dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua,

(b) Kementerian Pertanian telah mengenalpasti 25 kawasan yang sedang dimaju di bawah RMK-6 sebagai destinasi "agro-tourism" dan pecahan destinasi-destinasi berkenaan mengikut negeri adalah seperti berikut:

Kedah	— 8
Perak	— 1
Selangor	— 4
Negeri Sembilan	— 1
Melaka	— 3
Johor	— 4
Terengganu	— 3
Kelantan	— 1

Tuan Yang di-Pertua,

(c) Dalam usaha memajukan industri "agro-tourism" di negara ini, projek-projek yang dilaksanakan oleh agensi-agensi di bawah kementerian ini umpamanya Pusat Pertanian dan Pusat Ternakan Haiwan akan ditonjolkan di-samping kegiatan-kegiatan memancing dan lain-lain lagi yang akan diatur dari masa ke semasa.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Pertanian sedar bahawa di Sabah bukan pula membantu para petani di dalam bidang "agro-tourism" ini tetapi lebih daripada menghalang kerana meragut tanah-tanah rakyat terutama di kawasan saya di Tuaran untuk pembangunan KKIP yang mana banyak para petani dan juga para nelayan yang hilang tanah-tanah kerana diambil oleh agensi-agensi kerajaan. Jadi, adakah kementerian sedar dan apakah tindakan untuk membetulkan keadaan?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, kementerian tidak sedar apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat, saya memerlukan penjelasan bertulis yang lebih terperinci.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya daripada 25 kawasan yang dikenal pasti ini adakah ini kawasan-kawasan swasta iaitu perkampungan ataupun ini dalam kawasan kerajaan?

Dan kedua.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, Yang Berhormat.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Dua sahaja?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar daripada 25 kawasan yang dikenal pasti tadi ialah terdiri daripada kawasan-kawasan swasta ataupun yang dimiliki oleh petani-petani seperti kampung-kampung di pinggir laut, kampung-kampung di pinggir sungai, perkampungan dalam sawah dan sebagainya di samping milikan kerajaan seperti sebagaimana yang telah saya katakan kawasan ternakan, kawasan taman laut dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh.

(Soalan No. 14—Y.B. Tuan R. Karpal Singh tidak hadir)

GURU SEKOLAH RENDAH/ MENENGAH—KEKURANGAN

15. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Pendidikan menyatakan bagaimana strategi kerajaan untuk mengatasi masalah kekurangan guru-guru di seluruh negara.

(a) bilangan kekurangan guru sehingga 1995;

(b) bilangan maktab-maktab perguruan yang akan dibina; dan

(c) adakah kerajaan bercadang untuk melanjutkan tempoh perkhidmatan guru-guru.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua,

(a) bilangan kekurangan guru sehingga 1995 adalah seperti berikut:

Sekolah Rendah	-	14,768 orang
Sekolah Menengah	-	3,568 orang
Jumlah	-	18,336 orang

Masalah kekurangan guru di sekolah rendah di seluruh negara akan dapat di atasi dengan pengeluaran guru-guru sambilan dua kali setahun yang akan keluar mulai Disember 1995 hingga Jun 1997.

Bagi sekolah-sekolah menengah pula, pengambilan dua kali setahun bagi Kursus Perguruan Lepasan Ijazah (KPLI) telah dimulakan sejak Jun 1995. Selain dari itu, kursus program kembar di antara beberapa maktab perguruan dengan universiti-universiti tempatan dan luar negeri juga sedang dijalankan.

Di samping itu, Kementerian Pendidikan juga telah melantik guru-guru yang telah bersara wajib untuk berkhidmat semula sebagai guru-guru kontrak.

(b) Buat masa ini Kementerian Pendidikan sedang merancang untuk membina sebanyak 5 buah maktab perguruan lagi dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

(c) Kerajaan tidak bercadang untuk melanjutkan tempoh perkhidmatan guru-guru yang telah mencapai umur bersara wajib. Walau bagaimanapun, guru-guru yang telah bersara wajib boleh dilantik semula secara kontrak.

Tuan Henrynus Amin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, adakah Kementerian Pendidikan bercadang untuk mengambil pelajar-pelajar yang telah lulus SPM tetapi tidak dapat menyambung pelajaran sebagai guru-guru sandaran untuk mengajar di sekolah-sekolah rendah oleh kerana di ketika ini, apa yang saya tahu, banyak di antara mereka yang telah lulus SPM, yang masih belum mendapat pekerjaan, sudah banyak mulai datang ke kota-kota seperti Kuala Lumpur dan Johor untuk mencari pekerjaan. Ramai juga yang datang ke Labuan dan Brunei untuk mencari pekerjaan sebab ramai yang memohon untuk menjadi guru tetapi tidak dapat.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, Yang Berhormat, Yang Berhormat memberi ucapan itu. Adakah hendak ambil murid-murid yang berkelulusan SPM menjadi guru sandaran?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja Kementerian Pendidikan ingin mengambil pelajar-pelajar yang mempunyai kelayakan SPM dengan kredit dalam mata pelajaran yang tertentu untuk menceburi bidang pendidikan sama ada sebagai guru sandaran atau sebagai calon untuk memasuki maktab-maktab perguruan, Kementerian Pendidikan juga menggalakkan mereka dan Kementerian Pendidikan juga bersedia bekerjasama dengan semua Wakil Rakyat supaya kita boleh galakkan lebih ramai calon-calon tersebut menceburi bidang pendidikan.

Dr. G. Leelavathi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bilakah kementerian bercadang untuk memulakan Kursus Dalam Cuti untuk meningkatkan taraf guru-guru?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan telah membuat keputusan bahawa Kursus Dalam Cuti itu (KDC) akan bermula pada akhir tahun ini.

PENSWASTAAN AGENSI KERAJAAN—KESAN KE ATAS RAKYAT

16. Tuan Zainal Abidin bin Osman minta Perdana Menteri menyatakan bagaimana kos operasi lebih 200 jabatan dan agensi Kerajaan yang akan diswastakan tidak akan membebankan rakyat ataupun pelanggan di masa depan memandangkan salah satu matlamat penswastaan adalah untuk meningkatkan keuntungan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa membuat kajian terperinci sebelum memutuskan untuk menswastakan sesuatu projek, jika projek yang akan diswastakan tersebut tidak akan membebankan rakyat. Kajian-kajian tersebut merangkumi daya maju projek, faedah kepada negara dan tanggungjawab sosial yang perlu diambil alih oleh syarikat berikutan penswastaan sesuatu projek. Dalam hubungan ini kerajaan memastikan bahawa penswastaan sesuatu projek itu tidak akan membebankan rakyat dengan mengenakan syarat-syarat tertentu dalam perjanjian perswastaan. Sebagai contohnya, bagi penswastaan yang melibatkan monopoli semula jadi seperti perkhidmatan telekom, bekalan elektrik dan bekalan air, kerajaan memastikan bahawa syarikat tidak boleh menaikkan tarif tanpa mendapat kelulusan kerajaan. Untuk tujuan ini kerajaan telah menubuhkan beberapa badan kawalselia seperti Jabatan Bekalan Elektrik, Jabatan Telekom Malaysia yang akan mengawasi industri berkenaan terutamanya dari segi tarif yang akan dikenakan, mutu perkhidmatan dan tersedianya perkhidmatan apabila diperlu oleh pengguna.

Di samping itu saya suka menjelaskan bahawa matlamat penswastaan bukanlah semata-mata untuk keuntungan sebagaimana yang difahami oleh Yang Berhormat tetapi apa yang lebih penting ialah untuk mengurangkan beban kewangan kerajaan dan juga untuk meningkatkan kecekapan entiti yang diswastakan supaya dapat membantu pertumbuhan ekonomi negara.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan. Proses penswastaan dijalankan secara berperingkat-peringkat. Oleh itu, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan jenis-jenis agensi yang diberi keutamaan untuk diswastakan? Terima kasih.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya sebutkan tadi, penswastaan dibuat bukan sahaja dengan daya usaha (initiate) daripada kerajaan bahkan juga dibuat oleh pihak swasta dengan cadangan-cadangan atas projek-projek yang hendak dibuat. Dari segi yang diusahakan oleh kerajaan, ini dikajikan secara menyeluruh oleh EPU dan ini disenaraikan dari masa kesemasa.

TADIKA KEMAS—PERUNTUKAN MEMBAIK PULIH

17. Tuan Haji Mustafa bin Muda minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan perkembangan dan kemajuan kelas-kelas Tadika Kemas telah meningkat dari setahun ke setahun dan mendapat sokongan dan tumpuan ibu bapa khususnya di luar-luar bandar. Pohon penjelasan Yang Berhormat Menteri, bilakah tambahan-tambahan peruntukan bagi membina kelas-kelas Kemas atau mengubah suai bangunan-bangunan yang ada dapat dilaksanakan.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Dato' K. Kumaran): Tuan Yang di-Pertua, peruntukan untuk membaik pulih bangunan tadika Kemas mula diperolehi pada tahun 1994 berikutan

dengan adanya kelulusan khas Kabinet. Pada tahun 1994 sebanyak RM40.77 juta telah diperuntukkan untuk membaik pulih 411 buah Tadika. Pada tahun 1995 sebanyak RM10 juta diperuntukkan bagi membaik pulih 1,058 tadika dan ianya akan dilaksanakan dalam Fasa yang kedua.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Mohamad Nor: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa terdapat banyak di kalangan kelas-kelas tadika ini yang berjumlah 411 buah bangunannya terletak di atas tanah bukan tanah kerajaan, iaitu tanah milik orang perseorangan dan perkara ini jelas bertentangan dengan dasar pembangunan kerajaan. Apakah kerajaan akan mengkaji tindakan dan langkah-langkah yang sebaiknya bagi mengatasi perkara ini?

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, kementerian ataupun kerajaan sedar, tetapi kita mesti faham apakah itu KEMAS-Kemajuan Masyarakat. Apakah sumbangan rakyat kepada negara, kita hanya menggunakan tanah itu untuk membangunkan rakyat yang bermastautin di luar bandar. Apakah salahnya kita beri pinjaman? Itu jawapannya-cukup. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua: Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat berpuas hati. *(Ketawa)*

TELEFON MUDAH ALIH— STRUKTUR, TARIF DAN PERKHIDMATAN

18. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

(a) bilangan syarikat-syarikat swasta yang telah diberi kebenaran untuk mengendalikan sistem telefon mudah alih;

(b) adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji semula kadar bayaran bagi telefon mudah alih; dan

(c) adakah perkhidmatan telefon yang telah sedia ada telah berjaya diliputi di seluruh kawasan luar bandar.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Chan Kong Choy): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan:

(a) Sehingga hari ini kementerian telah mengeluarkan 8 lesen kepada syarikat-syarikat untuk mengendalikan sistem telefon mudah alih.

(b) Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos sedang mengkaji semula dasar mengenai struktur, tarif dan perkhidmatan telefon mudah alih dan ianya akan diumumkan setelah kerajaan membuat keputusan muktamad mengenainya.

(c) Rangkaian telekomunikasi yang sedia ada belum lagi meliputi seluruh kawasan luar bandar sepenuhnya dengan pencapaian kadar penembusan (penetration rate)-5 telefon setiap 100 orang penduduk. Ini adalah kerana kawasan-kawasan ini terletak jauh terpencil dan sukar untuk menyediakan perkhidmatan telefon secara conventional. Walau bagaimanapun, dengan adanya teknologi radio, pihak kerajaan dan Telekom Malaysia terus merancang untuk memberi perkhidmatan telefon kepada penduduk-penduduk luar bandar yang perlu perkhidmatan itu.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji semula kadar bayaran atau tarif untuk telekom memandangkan bahawa panggilan antarabangsa terlalu tinggi berbanding dengan tarif syarikat-syarikat telefon yang lain dan dengan sebab itu kemudahan-

kemudahan "call-back' di mana rakyat Malaysia serantau boleh membuat panggilan ke US dan UK dan membuat 'call-back' oleh kerana perbezaan kadar dan dengan sebab itu ada kadar telefon di Malaysia akan diturunkan?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya telah jawab soalan *(b)* sebentar tadi, kementerian saya sedang mengkaji semula dasar mengenai tarif perkhidmatan telefon termasuk telefon mudah alih dan telefon antarabangsa dan sebagainya dan kajian terperinci akan diumumkan setelah kerajaan membuat keputusan terakhir.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah tindakan kerajaan terhadap mereka yang didapati merakamkan perbualan melalui telefon dan memperdengarkan rakaman tersebut kepada orang-orang yang tidak berhak mendengarnya?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum ada sesiapa yang dikenal pasti membuat rakaman mengenai perbualan antara telefon dan sekiranya didapati seseorang itu merakamkan perbualan telefon tanpa persetujuan dari pihak yang berkenaan, pihak kementerian akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

SRB (CINA) LUAR BANDAR— JUMLAH KEKURANGAN PELAJAR

19. Tuan Robert Lau Hoi Chew minta Menteri Pendidikan menyatakan:

(a) jumlah kekurangan pelajar-pelajar yang dihadapi oleh SRB (Cina) di kawasan luar bandar di seluruh negara dan di Sarawak;

(b) langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk menempatkan semula sekolah-sekolah tersebut ke kawasan bandar ataupun kawasan-kawasan yang tidak mempunyai SRB (Cina) dengan penduduk yang meminta untuk ditubuhkan SRB (Cina); dan

Kemajuan kelas-kelas Bahasa Mandarin di SRK (C) SMK.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua,

(a) Terdapat sebanyak 2,536 buah sekolah kekurangan murid di seluruh negara berbanding dengan 122 buah Sekolah Rendah Bantuan (Cina) yang kekurangan murid di luar bandar di Sarawak.

(b) Kementerian Pendidikan telah menerima banyak cadangan permohonan untuk memindahkan sekolah-sekolah SRJK(C) yang kekurangan murid ke kawasan-kawasan baru. Pada dasar, SRJK(C) yang telah ditubuhkan dahulu adalah untuk memenuhi keperluan kawasan di mana ia dibina. Namun demikian, permohonan-permohonan tersebut akan dikaji mengikut keperluan.

(c) Kemajuan kelas-kelas Bahasa Mandarin di Sekolah Rendah Bantuan dan sekolah menengah di Sarawak boleh dilihat daripada peningkatan prestasi pelajar dalam mata pelajaran tersebut di peringkat SPM di sekolah menengah di seluruh negeri Sarawak. Peratus pelajar yang lulus dalam mata pelajaran Mandarin telah meningkat dari 83.8% pada tahun 1993 kepada 85.5% pada tahun 1994. Di samping itu, untuk menggalakkan penggunaan pelbagai bahasa di kalangan pelajar, Bahasa Mandarin akan ditawarkan sebagai satu mata pelajaran di semua sekolah.

FERI PULAU PINANG— KENAIKAN TAMBANG

20. Tuan Lim Hock Seng minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

(a) sama ada beliau telah meluluskan

kenaikan tambang feri Pulau Pinang;

(b) kadar kenaikan tambang feri; dan

(c) jumlah keuntungan pukal prestasi seluruh badan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) dan juga Penang Port Sdn. Bhd. pada tahun-tahun kebelakangan ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan (Tuan Chor Chee Heung): Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi bahagian *(a)* dan *(b)* adalah berikut:

(a & b) Kementerian Pengangkutan belum menerima apa-apa cadangan dari Penang Port Sdn. Bhd. untuk meminda tambang feri Pulau Pinang. Dengan demikian, Kementerian Pengangkutan tidak tahu kadar kenaikan tambang feri yang akan dicadangkan.

(c) Kelebihan selepas cukai Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang untuk tahun 1994 iaitu semasa operasi pada tahun itu juga diambil alih oleh Penang Port Sdn. Bhd. adalah RM804,686.00 sementara keuntungan selepas cukai Penang Port Sdn. Bhd. adalah RM31,353,258.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, satu asas atau satu sebab PPC meminta kenaikan tambang feri ialah kerana kerugian tetapi dari jawapan Yang Berhormat, PPC ada mendapat keuntungan. Sekiranya ada permintaan dari pihak PPC untuk menaikkan tambang ini, adakah pihak kementerian Yang Berhormat akan menimbangkan perkara ini?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, memang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bagan adalah satu andaian tetapi sebagai maklumat tambahan dalam Dewan yang mulia ini, saya suka memberi tahu kadar tambang feri Pulau Pinang telah wujud sejak bulan Oktober 1979 iaitu melebihi 15 tahun. Oleh yang demikian, saya percaya memang munasabah jika Penang Port Sdn. Bhd ingin mengemukakan cadangan dan pihak kementerian akan memberi pertimbangan. Walau bagaimanapun, saya yakin Kementerian Pengangkutan akan juga bertimbang rasa supaya tambang-tambang jika dinaikkan, tidak akan membebankan rakyat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Masa Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah selesai.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9, 12, 14 dan 21 hingga 26 adalah dijilid dalam buku berasingan)

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1996

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1996

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-Undang Perbekalan 1996 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

"Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada

RM14,200,768,500 (Ringgit Malaysia empat belas bilion, dua ratus juta, tujuh ratus enam puluh lapan ribu, lima ratus) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1996, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1996 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 23 Tahun 1995, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." *(27hb. Oktober, 1995)*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1996 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu, dibaca kali yang kedua sekarang dan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis sekarang. Kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas. Ya, Tanjong.

3.37 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan mengulangi sekali lagi di dalam ucapan Belanjawannya untuk membina sebuah 'masyarakat madani' tetapi malang sekali, tiada siapa lagi di dalam pucuk pimpinan Barisan Nasional yang tahu menahu ataupun memahami apakah itu "masyarakat madani'. Inilah sebab kenapa tidak seorang pun Menteri Barisan Nasional ataupun Ahli Parlimen yang mengucap mengenai 'masyarakat madani'. Sungguhpun ia merupakan satu tema yang sering dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam ucapan beliau sama ada di dalam ataupun di luar negeri termasuk di dalam ucapan-ucapan Belanjawan beliau yang lepas.

Untuk mencipta sebuah 'masyarakat madani', Yang Berhormat Menteri Kewangan berkata, "bahawa untuk pembangunan Malaysia pastikan merangkumi cita-cita murni, mengangkat martabat insan, mengisbatkan kebebasan, mencabut dan membasmi keonaran di tengah-tengah masyarakat, memperbaharui warisan, memperkasa budaya yang mencerminkan ketinggian akal budi dan cita rasa seni".

Sememangnya kita perlu mempupuk sebuah 'masyarakat madani' di mana selain daripada bidang awam (public sector) iaitu institusi kerajaan, bidang swasta yang merupakan sektor ketiga iaitu organisasi-organisasi sukarela serta pertubuhan-pertubuhan bebas NGO dapat memainkan peranan yang berkesan demi memperkukuhkan lagi institusi-institusi demokratik, akauntabiliti serta ketelusan di dalam negara ini tetapi persoalan ini ialah sama ada Kerajaan Barisan Nasional dan bukannya hanya Yang Berhormat Menteri Kewangan seorang sahaja berkomitmen untuk membina sebuah 'masyarakat madani' di Malaysia.

Sekiranya Malaysia ingin memupuk sebuah 'masyarakat madani' maka Kerajaan Malaysia harus memberikan pengiktirafan sepenuhnya serta menghormati NGO-NGO di Malaysia. Antaranya dengan memperuntukkan wang sejumlah RM20 juta setahun untuk membiayai aktiviti-aktiviti NGO-NGO ini.

Tetapi prospeknya amatlah berlainan. Kerajaan kini cuba menganiayai NGO-NGO misalnya dengan cuba mengkategorikan NGO-NGO yang berdaftar di bawah Akta Syarikat dan bukannya di bawah Akta Persatuan sebagai pertubuhan tidak sah. Sebagai contoh,

sebab mengapa Tenaganita tidak dilantik menjadi salah satu ahli sebuah pertubuhan yang digelar Badan Pelawat Bebas untuk pusat-pusat tahanan Imigresen yang diketuai oleh bekas Pengarah Badan Pencegah Rasuah, Tan Sri Zulkifli Mahmud, hasil daripada aduan-aduan mengenai kematian serta layanan tidak berperikemanusiaan yang dihadapi oleh para pekerja asing tidak sah adalah kerana Tenaganita bukannya berdaftar di bawah Akta Pertubuhan.

Nampaknya, Malaysia kini sedang memupuk sebuah masyarakat Madani yang amat ganjil sekali di mana sedangkan Tenaganita telah diiktiraf oleh dunia antarabangsa sebagai sebuah NGO, diberikan tempat yang amat penting dan nyata di dalam Persidangan Wanita Sedunia Keempat di Beijing, tetapi di Malaysia, ia pula dianggap oleh kerajaan sendiri sebagai tidak sah.

Apa yang lebih memeranjatkan adalah, pihak-pihak berkuasa kini sedang menganiayai NGO-NGO serta pemimpin-pemimpin mereka. Misalnya, Irene Fernandez dari Tenaganita yang telah dikenakan arahan menurut Seksyen 51 di bawah Criminal Procedure Code supaya menyerahkan semua dokumen-dokumen yang berkaitan dengan Memorandum Tenaganita mengenai kematian, penganiayaan dan layanan tidak berperikemanusiaan para pekerja asing di dalam pusat-pusat tahanan imigresen, yang heboh sebagai berita penting di dalam serta luar negeri kepada pihak polis.

Irene telah diberikan tempoh sehingga hari esok, iaitu Selasa untuk menyerahkan semua dokumen yang diperlukan itu. Sekiranya tidak, beliau akan menghadapi hukuman yang ditentukan oleh undang-undang.

Nampaknya pihak-pihak berkuasa, terutama sekali pihak polis, tidak berminat langsung untuk menjalankan penyiasatan bebas ke atas keadaan-keadaan sebenar di dalam pusat-pusat tahanan imigresen yang telah menyebabkan 46 kematian sehingga Ogos tahun ini, tetapi hanya berminat mengetahui sumber informasi Irene Fernandez. Ini telah membangkitkan persoalan sama ada sumber-sumber ini akan dijadikan mangsa serta dihukum kerana berhubungan dengan Tenaganita.

Kini telah wujud satu keadaan di mana kami percaya bahawa salah satu nama yang diberikan oleh Irene kepada pihak polis sebagai salah seorang pembekal maklumat kepada Memorandum Tenaganita telah dihukum dan dijadikan mangsa oleh pihak polis dan ini menghalang Irene dari membekalkan lain-lain sumber informasinya kepada pihak berkuasa.

Di sini, saya menyeru Kementerian Dalam Negeri serta pihak polis khasnya supaya berhenti dari tindakan memangsakan Irene Fernandez serta Tenaganita mereka dan membuktikan bahawa kerajaan benar-benar berkomitmen untuk membina sebuah masyarakat Madani yang menghormati sepenuhnya peranan yang dimainkan oleh NGO-NGO di dalam kerja memupuk budaya akauntabiliti dan ketelusan di negara ini.

Saya akan berbalik ke soal Tenaganita serta masalah-masalah pekerja asing ini di dalam ucapan saya nanti, kerana saya ingin memulakan ucapan saya dengan membuat ulasan mengenai keutamaan yang diletakkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan ke atas tugas memupuk sebuah masyarakat Madani ini. Sekarang saya akan menyentuh beberapa cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam belanjawan 1996nya.

Beliau berada di kedudukan yang sungguh ambiguous dalam mengendalikan masalah-masalah yang timbul hasil dari pertumbuhan ekonomi selama 8 tahun berturut-turut di mana masalah-masalah

ini terdiri dari tekanan inflasi, pasaran sumber manusia yang ketat serta defisit di dalam akaun semasa imbangan pembayaran.

Strategi belanjawan yang Amat Berhormat Menteri Kewangan untuk menangani masalah-masalah ini termasuk beberapa cadangan yang berikut:

(1) **Pengurangan cukai pendapatan**

Pengurangan cukai pendapatan individu akan membawa lebih keuntungan kepada mereka yang kaya dari yang berpendapatan rendah. Memandangkan kadar cukai bagi golongan berpendapatan paling tinggi telah dikurangkan sebanyaak 2% menjadi 30%, manakala kadar cukai golongan yang pendapatan paling rendah hanya dikurangkan 1% sahaja. Sebagai contohnya, bagi mereka yang berada di dalam golongan pendapatan boleh dikenakan cukai antara RM2,501 kepada RM5,000, kadar cukai telah dikurangkan satu peratus dari 3% ke 2%, tetapi bagi mereka yang berada di dalam golongan pendapatan boleh dikenakan cukai yang lebih tinggi, iaitu melebihi RM20,001, mereka kini menerima potongan sebanyak 2%.

Kadar-kadar cukai pendapatan individu yang berada di dalam golongan pendapatan tercukai yang rendah juga harus diberikan potongan yang lebih dan sekurang-kurangnya saya menyeru supaya Yang Berhormat Menteri Kewangan meminda cadangan belanjawannya supaya memastikan dua golongan pendapatan tercukai yang hanya mendapat satu peratus pemotongan, iaitu mereka yang berada dalam golongan pendapatan tercukai antara RM2,501 ke RM5,000 di mana 3% cukai dikurangkan menjadi 2% dan antara RM10,001 ke RM20,000 di mana 7% cukai dikurangkan menjadi 6% akan diletakkan di bawah kedudukan yang sama seperti tujuh golongan pendapatan tercukai yang lain.

Saya ingin memberi notis bahawa sekiranya Yang Berhormat Menteri tidak membuat pemindaan sedemikian ke atas cadangan ini, maka DAP akan membentangkan satu usul pindaan ke atas Akta Cukai Pendapatan 1967 untuk tujuan ini apabila Yang Berhormat Menteri Kewangan memperkenalkan pindaan ke atas beberapa perundangan di atas Dewan Rakyat selepas belanjawan ini telah diluluskan untuk melaksanakan cadangan-cadangan belanjawan ini.

(2) **Sumbangan KWSP**

Demi meningkatkan kadar simpanan, Yang Berhormat Menteri telah menaikkan kadar sumbangan pekerja ke KWSP dari 10% menjadi 11% bermula pada Januari 1996, tetapi pada masa yang sama, kadar sumbangan yang kena dibayar oleh majikan pula masih kekal pada 12%.

Sekiranya kerajaan benar-benar serius dalam usaha untuk meningkatkan kadar simpanan, maka ia haruslah meningkatkan juga kadar sumbangan KWSP majikan kepada kadar antara 13% dan 15%. Sungguhpun kadar simpanan nasional kasar Malaysia adalah 34% dari kadar GNP dan boleh dianggap sebagai agak tinggi, tetapi penambahan di dalam kadar simpanan adalah lebih rendah dibandingkan dengan kadar pelaburan menyebabkan perluasan jarak sumber sebanyak 6.2% dari GNP tahun 1994 menjadi 8.9% pada tahun 1995.

Harus diperhatikan juga bahawa kadar CPF untuk Singapura adalah 20% kadar sumbangan bagi pihak majikan dan pekerja masing-masing, menjadikan 40% apabila dibandingkan dengan sumbangan KWSP Malaysia yang hanya berjumlah kadar 23%.

Harus diperhatikan juga bahawa beberapa kumpulan pendapatan akan menerima bayaran bersih yang lebih rendah walaupun mereka tidak lagi merupakan pembayar cukai mengikut cadangan-cadangan Budget 1996. Gaji yang dapat dibawa pulang oleh mereka akan berkurangan disebabkan mereka perlu membayar kadar 1% lebih kepada KWSP.

Sebagai contohnya, mereka yang telah berkahwin dan mempunyai 3 orang anak di bawah umur 18 tahun dengan pendapatan RM15,000 setahun tidak perlu lagi membayar cukai pendapatan, tetapi perlu mengasingkan sebanyak RM150 untuk KWSP. Orang-orang inilah yang tidak mendapat faedah dari Belanjawan 1996 yang seharusnya lebih fleksibel dalam menyelesaikan masalah sebegini.

Yang Berhormat Menteri Kewangan harus mempertimbangkan sama ada boleh menetapkan kadar sumbangan yang berasingan bagi pihak majikan supaya memastikan pekerja-pekerja di bawah golongan berpendapatan rendah tidak akan terjejas dengan menerima pendapatan yang lebih rendah hasil daripada cadangan-cadangan Belanjawan 1996.

(3) **Belanjawan yang lebih sensitif terhadap isu jantina**

Saya memuji Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana belanjawannya kali ini yang peka ke atas isu jantina serta lebih bersimpati terhadap mereka yang hilang keupayaan serta golongan tua, dengan membekalkan program-program latihan kepada kaum wanita, peruntukan untuk menyediakan pusat jagaan bayi di jabatan-jabatan kerajaan, pilihan bagi kedua-dua suami dan isteri untuk membuat tuntutan kebebasan cukai bagi anak-anak mereka, kebebasan cukai bagi anak yang hilang keupayaan kini ditambahkan dari RM1,600 menjadi RM5,000 serta pembebasan cukai bagi perbelanjaan perubatan untuk ibu bapa yang bertambah dari RM1,000 menjadi RM5,000.

Malaysia harus bersedia menerajui usaha membekalkan sokongan yang konkrit kepada hak wanita bukan hanya sebagai persoalan jantina tetapi demi keadilan sosial, sebagaimana yang dilakukan dengan membekalkan cuti bersalin yang lebih panjang, memberikan pengiktirafan belanjawan mengenai kepentingan peranan para suri rumahtangga di dalam tugas membesarkan rakyat Malaysia generasi baru, dan satu skim kebangsaan untuk menubuhkan pusat-pusat jagaan anak yang berdekatan dengan kawasan kediaman yang dikendalikan oleh pihak-pihak berkuasa tempatan harus dibentuk.

Sehubungan dengan ini, masa sudah sampai bagi kerajaan untuk mempertingkatkan kadar pembebasan cukai bagi anak-anak memandangkan kos membesarkan anak-anak telah pun bertambah di tahun-tahun kebelakangan ini.

Kita harus juga memberikan pengiktirafan sepenuhnya kepada pendidikan bukan sahaja bagi pihak individu tetapi juga bagi

seluruh negara dan dengan ini, Menteri Kewangan harus membuat pertimbangan untuk membekalkan rebat cukai sepenuhnya kepada semua perbelanjaan pendidikan yang dibelanjakan oleh para ibu bapa ke atas anak-anak mereka, sama ada yang berada di tahap sekolah rendah, sekolah menengah ataupun pendidikan tinggi.

(4) **Untuk mengawal penggunaan kredit pembayaran minimum atas kad kredit harus dinaikkan menjadi 50% untuk baki setiap bulan**

Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menaikkan pembayaran minimum ke atas kad kredit dari 10% menjadi 15% untuk baki setiap bulan. Untuk menangani masalah penggunaan kredit yang tidak terkawal, pembayaran minimum atas kad kredit haruslah dinaikkan menjadi 50%, terutama sekali memandangkan hingga ke bulan Jun tahun ini, pemegang kad kredit telah meningkat menjadi 1.6 juta orang, dengan jumlah baki belum dibayar kad kredit sebanyak RM2.5 bilion. Cara ini akan menawarkan minat orang ramai dari terus berhutang serta menyalahgunakan kad kredit mereka untuk mendapatkan kredit yang seharusnya dijadikan sebagai kemudahan kepada para pengguna yang tidak mahu membawa terlalu banyak wang tunai.

(5) **Levi sebanyak RM100,000 dikenakan ke atas setiap pembelian hartanah oleh orang asing**

Yang Berhormat Menteri Kewangan juga harus mempertimbangkan penambahan levi sebanyak RM100,000 ke atas setiap pembelian hartanah oleh orang asing kepada RM200,000 kerana dengan lebih RM100,000 ini, ia hanya bererti tambahan S$60,000 untuk rakyat Singapura yang kini telah membeli banyak hartanah yang mahal melebihi RM250,000 seunit di Johor serta lain-lain tempat di negara kita di mana mereka tidak mungkin berupaya membeli hartanah dengan harga yang begitu murah di negara mereka sendiri.

Penambahan di dalam pendapatan kadar cukai hartanah dari 20% ke 30% bagi penjualan semula dalam masa dua tahun pembelian dan tambahan 5% lagi untuk tahun ketiga dan keempat pembelian, serta kadar cukai tetap sebanyak 30% untuk penjualan mana-mana hartanah oleh individu bukan warganegara kita, harus berupaya membantu dalam mengurangkan aktiviti-aktiviti spekulasi di dalam bidang hartanah. Apa yang merunsingkan adalah tindak balas yang ditunjukkan oleh industri perumahan dan pembinaan di mana levi RM100,000 untuk pembelian rumah oleh orang asing tidak mungkin dapat mengurangkan harga hartanah atas sebab pengurangan penjualan rumah-rumah kepada orang asing ini tidak pula bererti harga akan diturunkan serta secara automatik.

(6) **Peningkatan kos di dalam bidang kesihatan**

Adalah merunsingkan juga bahawa, sementara kita mengalu-alukan cadangan belanjawan ini yang mengecualikan duti import dan cukai jualan ke atas semua peralatan asas perubatan, tetapi industri penjagaan kesihatan swasta secara umumnya tidak berjanji untuk memindahkan

penjimatan mereka ini kepada para pesakit dengan mengurangkan kos rawatan.

Ramai pengamal perubatan sebenarnya merasa kecewa kerana belanjawan kali ini tidak melakukan apa-apa untuk mengawal harga ubat yang kian meningkat, menyebabkan mereka terpaksa menghadapi harga yang terlalu tinggi yang dikenakan oleh pembekal ke atas ubat-ubat yang digunakan yang kemudiannya dipindahkan kos tersebut kepada para pesakit. Penambahan kos bidang kesihatan telah menjadi salah satu tanggungan yang terpaksa dipikul oleh rakyat Malaysia dan seharusnya ditangani oleh pihak kerajaan.

Sehubungan ini, sikap Kementerian Kesihatan yang tidak mengambil sebarang tindakan ke atas kontroversi Organisasi Pengurusan Kesihatan (HMO) adalah sesuatu yang paling merunsingkan kerana adalah jelas bahawa Kementerian Kesihatan harus mengawal HMO-HMO ini untuk memastikan bahawa para doktor tidak akan mengenepikan kepentingan para pesakit demi keuntungan sendiri.

HMO-HMO yang dibentuk untuk mendapat keuntungan dari industri kesihatan ini tidak akan memberikan prioriti utama ke atas tugas menubuhkan satu sistem penjagaan kesihatan yang paling mementingkan para pesakit, sebaliknya tujuan utama mereka akan diletakkan ke atas memaksimumkan untung di mana kepentingan para pesakit akan diletakkan di tempat kedua.

Atas sebab ini, Kementerian Kesihatan harus membekukan semua skim HMO sehingga wujudnya undang-undang yang mengawal dan mendaftarkan HMO-HMO ini yang akan membentuk garis-garis panduan mengenai penjagaan pesakit untuk HMO-HMO, satu kod etika yang mengandungi prosedur-prosedur untuk memastikan kerahsiaan rekod pesakit dijaga, mekanisme dalaman mengenai kos dan penggunaan keuntungan lebihan supaya dapat mempertingkatkan kualiti penjagaan pesakit dan sebagainya.

(7) **Kerajaan tidak harus membiarkan Tenaga Nasional Berhad, PLUS dan lain-lain monopoli swasta menaikkan kadar dan tol mereka sebelum mereka berjaya memperbaiki perkhidmatan-perkhidmatan mereka**

Di dalam Ucapan Belanjawan Yang Berhormat Menteri telah mengulangi komitmen kerajaan untuk mencapai inflasi sifar, yang mana kini sedang mengalami krisis kredibiliti sifar. Sekiranya kerajaan serius mengenai kempen inflasi sifar, maka ia tidak harus membenarkan Tenaga Nasional Berhad, PLUS dan lain-lain monopoli swasta menaikkan kadar tarif dan tol mereka sebelum mereka berjaya memperbaiki perkhidmatan dan produktiviti serta memenuhi obligasi asas mereka terhadap pengguna dan komuter dengan membuktikan diri mereka sebagai rakyat korporat yang bertanggungjawab di Malaysia.

Baru-baru ini, Tenaga Nasional telah menjalankan satu usaha PR dengan mengumumkan bahawa tidak lama lagi para pengguna domestik hanya perlu membayar kadar tarif yang kurang untuk elektrik yang digunakan oleh

mereka, kerana Tenaga Nasional telah bersetuju untuk mengenakan kadar 20 sen seunit bagi 200 unit tenaga pertama yang digunakan.

Pada masa kini, 100 unit tenaga pertama dikenakan kos 20 sen seunit, sementara 900 unit seterusnya berharga 22 sen seunit dan yang selebihnya 26 sen seunit. Para pengguna diberitahu bahawa cadangan pengurangan kos ini telah dibuat berikutan dengan tindakan penyusunan semula tarif tenaga yang kini sedang dikaji oleh kerajaan.

Tetapi apakah butir-butir mengenai penyusunan semula tarif Tenaga Nasional ini dan mengapakah ia tidak diumumkan sebelum sebarang keputusan diambil oleh kerajaan untuk meluluskannya?

Tenaga tidak harus mendakwa bahawa para pengguna hanya perlu membayar 20 sen seunit tenaga yang digunakan oleh mereka untuk 200 unit yang pertama, sekiranya dua minggu ataupun sebulan kemudian, kos seunit untuk 200 unit tenaga pertama dinaikkan hasil dari tindakan penyusunan semula tarif Tenaga Nasional ini. Tenaga Nasional mesti faham bahawa ia tidak berhak meminta sebarang kenaikan tarif melainkan ia telah memenuhi dua syarat asas:

(i) membekalkan bekalan elektrik yang memuaskan dengan memberhentikan gangguan bekalan tenaga elektrik yang sering berlaku di negara ini, di mana jumlahnya mencapai 8,000 hingga 10,000 kali sebulan;

(ii) menanggung liabiliti undang-undang dengan membayar pampasan kepada industri-industri, peniaga-peniaga dan pengguna-pengguna hasil dari kerugian yang diakibatkan oleh gangguan bekalan tenaga elektrik.

Pada minggu lepas, Dewan yang mulia ini diberitahu bahawa kapasiti tenaga Malaysia kini melebihi keperluan tenaga sebanyak 54%. Ini menyebabkan gangguan bekalan tenaga yang sering kali berlaku dan menurut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, setiap bulan 8,000 ke 10,000 kali pemutusan bekalan tenaga elektrik di seluruh Malaysia—lebih tidak dapat dimaafkan.

Apakah justifikasi menaikkan tarif elektrik Tenaga Nasional sekiranya pada tahun lepas, syarikat ini telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM1.98 milion dengan pusing ganti sebanyak RM5.61 bilion?

Pertimbangan yang sama harus diletakkan ke atas permintaan PLUS yang meminta kenaikan kadar tol untuk Lebuhraya Utara-Selatan.

PLUS mesti diberitahu dengan tegas bahawa cadangan kenaikan kadar tol sebanyak 33% dari 7.5 sen per km ke-10 sen per km adalah sesuatu yang langsung tidak dapat diterima dan bertentangan dengan polisi awam atau public policy ialah inflasi sifar kerajaan kerana ini akan menjadikan sindiran yang paling ketara ke atas kempen Inflasi Sifar kerajaan. Tambahan lagi, PLUS mesti membuktikan bahawa ia adalah sebuah korporat rakyat yang bertanggungjawab sebelum ia dibenarkan menaikkan kadar tol.

Walaupun PLUS mengutip RM531 juta jumlah tol setiap tahun, ia telah gagal membekalkan kelengkapan yang asas yang mana para pengguna Lebuhraya Utara-Selatan berhak menikmati, sebagai contoh, penjagaan, penyelenggaraan dan peluasan lebuhraya Utara-Selatan tanpa menyebabkan kesesakan lebuh raya yang tidak harus berlaku ataupun bahaya pengangkutan di sesetengah laluan lebuh raya berkenaan.

Di banyak bahagian Lebuhraya Utara-Selatan, terutama sekali di antara Kuala

Lumpur dan Melaka, keadaan kesesakan trafik nampaknya sering berlaku pada masa-masa sibuk yang tertentu yang mana menumpaskan segala tujuan membayar tol untuk perjalanan yang lebih lancar, cepat dan selesa.

Tambahan lagi, PLUS juga gagal menjaga keperluan 'rehat' para komuter, dan adalah sesuatu yang biasa kita nampak bahawa para komuter berbaris 'queue' panjang di dalam bilik untuk 'bilik rehat' yang sesak menunggu giliran untuk menggunakan kemudahan tandas terutama sekali pada masa bertambahnya bas-bas persiaran. Ini merupakan contoh yang paling baik menunjukkan bahawa PLUS telah memaximisekan keuntungan dengan kelengkapan atau perkhidmatan yang minimum yang seharus dibekalkan.

Kerajaan harus membentuk satu mekanisme di mana segala permintaan dari Tenaga, PLUS serta lain-lain pemegang konsesi yang mendapat kawalan monopoli ke atas perkhidmatan awam harus disemak oleh sebuah pertubuhan penduduk rakyat sebelum kerajaan mengambil sebarang keputusan. Ini akan dapat memastikan lebih akauntabiliti dan tanggungjawab korporat dari Tenaga Nasional, PLUS dan lain-lain monopoli swasta perkhidmatan awam.

8. Umur bersara harus ditingkat ke 60 malah 65 tahun untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga pekerja

Malaysia kini menghadapi masalah kekurangan tenaga kerja, sama ada tenaga mahir atau tidak mahir, yang serius. Untuk membantu mengurangkan pergantungan ke atas pekerja-pekerja asing, kerajaan harus meningkatkan umur bersara dari 55 tahun ke-60 malah 65 tahun, memandangkan ramalan umur Malaysia telah pun bertambah dari 68.8 ke 69.7 tahun untuk kaum lelaki dan dari 73.3 ke 74.2 tahun untuk kaum wanita di antara tempoh bermulanya Rancangan Malaysia Keenam di tahun 1990 hingga kini.

Sekiranya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri masih gagah lagi dalam umur 69, 70, maka tidak ada sebabnya mengapa umur bersara di Malaysia, untuk sektor awam serta sektor swasta, tidak boleh dinaikkan ke-60 malah 65 tahun. Mungkin Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tidak begitu bersetuju.

Satu persidangan tiga pihak yang melibatkan kerajaan, majikan dan pekerja harus diadakan untuk mencapai satu persetujuan mengenai beberapa isu yang berbangkit dari pemanjangan umur bersara, antaranya mengenai upah, kebajikan dan latihan semula.

Yang Berhormat Menteri Kewangan telah memperuntukkan RM11.782 bilion untuk pendidikan dan latihan di dalam Belanjawan 1996 demi terus memperbaharui sistem pendidikan negara dengan mengambil kira tahap pembangunan dan perindustrian negara ini. Beliau berkata bahawa Malaysia berupaya untuk menjadi sebuah pusat pendidikan cemerlang di rantau ini dengan adanya sokongan dari pihak swasta.

Titik tumpuan pembaharuan pendidikan kebangsaan adalah Rang Undang-undang Pendidikan 1995 dan tiga lagi Rang Undang-undang Pendidikan, iaitu Rang Undang-undang Majlis Pendidikan Peringkat Tinggi Kebangsaan (baru), Rang Undang-undang Institusi Swasta Pendidikan Tinggi; dan Rang Undang-undang Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan).

Adalah amat merunsingkan bahawa walaupun Kerajaan Barisan Nasional telah mengambil selama 10 tahun untuk menggubalkan Rang Undang-undang Pendidikan 1995 ini, yang mana menurut Yang Berhormat Menteri Pendidikan rang undang-undang ini akan dibentang ke Parlimen pada bulan Disember untuk diluluskan bersama-sama dengan tiga Rang Undang-undang Pendidikan lain, tetapi Rang Undang-Undang Pendidikan

1995 dan ketiga-tiga Rang Undang-undang Pendidikan yang lain itu tidak pula dikemukakan kepada orang ramai untuk mengkaji dan memberikan maklum balas.

Dalam 40 tahun yang lepas, isu pendidikan dan Akta Pendidikan 1961 telah menjadi isu yang amat memecahbelahkan dan kontroversi untuk negara Malaysia yang berbilang kaum, berbilang bahasa dan berbilang budaya, ini disebabkan oleh 'objektif muktamad' yang terlingkung di dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan serta dasar pembinaan negara satu bahasa dan satu budaya.

Saya menyeru supaya Kerajaan Barisan Nasional terutama sekali Yang Berhormat Menteri Pendidikan, supaya mempelajari dari sejarah yang memecahbelahkan mengenai Akta Pendidikan 1961, terutama sekali sejarah 34 tahun mengenai kontroversi sekolah rendah Cina serta sekolah menengah persendirian Cina, serta memastikan bahawa Rang Undang-undang Pendidikan 1995 ini akan diterima oleh semua kaum serta kumpulan bahasa di negara ini sebagai instrument bagi mencapai perpaduan negara dan modenisasi negara, demi menjadi Malaysia sebuah negara yang maju.

Sungguhpun, isu kandungan Rang Undang-undang Pendidikan 1995 belum diumumkan, tetapi jelas sekali melalui ucapan-ucapan dan kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Menteri-menteri Kabinet Barisan Nasional dan pemimpin-pemimpin mereka, serta reaksi-reaksi yang ditunjukkan oleh badan-badan pendidikan Cina seperti Dong Zhao Zhong, rang undang-undang ini telah membangkitkan perasaan prihatin serta kerisauan mengenai kedudukan dan masa depan pendidikan bahasa ibunda, terutama sekali yang berkaitan dengan sekolah rendah Cina serta sekolah menengah persendirian Cina.

Sebagai contohnya, Presiden Gerakan dan Menteri Perusahaan Utama telah mengatakan di Pulau Pinang semalam bahawa Rang Undang-undang Pendidikan 1995 ini akan memjejaskan peperiksaan seragam sekolah-sekolah menengah persendirian serta badan pengarah pengurusan di sekolah-sekolah Cina rendah yang mendapat bantuan penuh dari kerajaan, ini juga merupakan sesuatu yang bertentangan dengan objektif Rang Undang-undang Pendidikan 1995 untuk meliberalisasikan pendidikan di Malaysia demi menjadikan negara ini sebuah pusat pendidikan cemerlang di arena antarabangsa.

Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama berkata bahawa draf Rang Undang-undang Pendidikan 1995 telah pun disiapkan tetapi belum lagi dibentangkan ke Kabinet untuk diluluskan, dan beliau berjanji akan mengemukakan tentangan GERAKAN di dalam Kabinet mengenai banyak sekatan yang termaktub di dalam draf Rang Undang-undang berkenaan.

Saya ingin memuji Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama kerana keterus-terangnya serta keberaniannya mengakui secara terbuka bahawa terdapatnya banyak provisi di dalam Rang Undang-undang Pendidikan 1995 yang akan menyekat dan menjejaskan kedudukan pendidikan Cina di Malaysia. Tetapi saya tidak faham mengapa provisi-provisi sebegini dapat dimasukkan ke dalam deraf Rang Undang-undang Pendidikan ini walaupun Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama sendiri berkata bahawa beliau adalah salah seorang ahli di dalam Jawatankuasa Mendraf Rang Undang-undang Pendidikan 1995 untuk tempoh selama 7 tahun.

Sekiranya Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama tidak dapat menghalang Jawatankuasa Mendraf Rang Undang-undang Pendidikan 1995 dari memasukkan peruntukan-peruntukan yang menyekat atau restrictive di dalam draf muktamadnya, apakah peluang yang ada baginya untuk memindahkan sekatan-sekatan berkenaan apabila Rang Undang-undang ini dikemukakan ke Kabinet kelak?

Adalah jelas bahawa apa yang akan dituntut oleh rakyat Malaysia adalah supaya Rang Undang-undang ini dikemukakan untuk kajian orang ramai sebelum ia dihantar ke Kabinet untuk kelulusan muktamad supaya Kabinet mendapat faedah dari reaksi dan maklumbalas orang ramai sebelum mengambil sebarang keputusan ke atas Rang Undang-undang Pendidikan baru ini.

Saya berharap bahawa semua Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional termasuk UMNO, terutama sekali MCA, Gerakan dan SUPP akan menyokong cadangan supaya Rang Undang-undang Pendidikan 1995 yang baru ini dikemukakan untuk kajian orang ramai sebelum ia dibentangkan ke Kabinet untuk kelulusan muktamad supaya Kabinet mendapat faedah dari reaksi dan maklumbalas orang ramai dahulu.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan haruslah peka terhadap kecurigaan dan kerisauan masyarakat Cina secara amnya dan aktivis-aktivis pendidikan Cina khasnya mengenai hasrat kerajaan terhadap masa depan dan kedudukan sekolah-sekolah rendah Cina dan sekolah-sekolah menengah Cina hasil dari 34 tahun sejarah Akta Pendidikan 1961.

Inilah mengapa sebagai contoh, reaksi mereka amat berhati-hati apabila Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengumumkan pada awal bulan ini bahawa bahasa Mandarin dan Tamil akan dijadikan sebahagian dari subjek tetap di dalam sekolah-sekolah rendah kebangsaan dan akan diajar kepada murid-murid sekolah tidak kira kaum sekiranya diminta.

Sejak tahun-tahun 70-an dan 80-an, saya telah berulangkali membuat cadangan sedemikian di Parlimen dan saya mengalu-alukan penerimaan yang lambat ini di Parlimen kerana tindakan ini bersamaan dengan pengakuan bahawa Malaysia merupakan sebuah negara yang berbilang kaum, berbilang bahasa, berbilang budaya dan berbilang agama dan bahawa Mandarin harus dianggap sebagai salah satu dari Bahasa Malaysia dan bukan lagi satu bahasa asing.

Malah saya akan menyeru supaya Menteri Pendidikan memastikan bahawa Rang Undang-undang Pendidikan 1995 ini juga menerima satu lagi cadangan yang pernah saya membangkitkan di Parlimen pada tahun-tahun 70-an dan 80-an iaitu memperkenalkan kelas-kelas "Pupil's Own Religion" di sekolah-sekolah rendah dan menengah di mana pelajar-pelajar kita dapat pendidikan agama masing-masing. Pada masa kini, hanya agama Islam sahaja yang telah dijadikan sebahagian dari mata pelajaran tetap di dalam sekolah.

Bagaimanapun, sungguhpun saya mengalu-alukan cadangan kerajaan memasukkan bahasa Mandarin dan Tamil ke dalam jadual waktu pelajaran sekolah-sekolah rendah kebangsaan, saya berharap Yang Berhormat Menteri Pendidikan akan dapat memahami serta peka terhadap kecurigaan serta kerisauan masyarakat umum bahawa ia mungkin boleh menjejaskan kedudukan dan masa depan sekolah-sekolah rendah Cina.

Beliau harus memahami sebab mengapa sebagai contoh, Ahli Parlimen dari Batu bertegas bahawa cadangan memasukkan Mandarin sebagai subjek tetap di dalam jadual waktu di sekolah-sekolah rendah kebangsaan merupakan satu proses perlahan-lahan untuk menjejaskan usaha mengendalikan sekolah rendah Cina, atau erode sekolah rendah Cina yang mana akan menjejaskan sumber bekalan guru-guru terlatih sekolah-sekolah rendah Cina dan tidak memberi sebarang bantuan dalam menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah rendah Cina.

Sekolah-sekolah rendah Cina kini telah mengalami krisis kekurangan guru-guru terlatih seramai 3,000 orang dan adalah sesuatu yang tepat untuk bertanya kepada kerajaan bagaimana ia dapat melaksanakan cadangan menjadikan Mandarin sebagai sebahagian dari subjek tetap di sekolah-sekolah rendah kebangsaan sedangkan ia tidak dapat memastikan sekolah-sekolah rendah Cina mempunyai guru-guru terlatih yang mencukupi.

Satu lagi kebimbangan yang wujud adalah bahawa guru-guru bahasa Mandarin yang berkualiti akan ditukar ke sekolah-sekolah rendah kebangsaan untuk menjayakan cadangan mengajar bahasa Mandarin di sekolah rendah kebangsaan. Tetapi tindakan ini akan mengakibatkan orang ramai hilang keyakinan terhadap kualiti pengajaran di sekolah-sekolah rendah Cina.

Saya menyeru supaya Kementerian Pendidikan memberikan jaminan yang secukupnya untuk memastikan bahawa cadangan menjadikan bahasa Mandarin sebagai salah satu subjek tetap di sekolah rendah kebangsaan tidak akan menjejaskan kedudukan serta masa depan sekolah rendah Cina di negara ini.

Jaminan-jaminan ini harus digaris bersama-sama oleh sebuah Majlis Perundingan yang termasuk wakil-wakil dari Kementerian Pendidikan serta badan-badan pendidikan Cina seperti Dong Jiao Zhong dan harus dimasukkan ke dalam Rang Undang-undang Pendidikan 1995 apabila Rang Undang-undang berkenaan dibentangkan ke Parlimen untuk dibahas dan diluluskan. Majlis Perundingan ini harus diberikan kuasa untuk menangani dan menyelesaikan semua keraguan dan bantahan bahawa Rang Undang-undang Pendidikan baru ini akan menjejaskan kedudukan pembangunan dan masa depan pendidikan bahasa ibunda sama ada sekolah rendah Cina, sekolah menengah persendirian Cina atau Kolej New Era yang telah dicadangkan.

Semasa negeri Sabah mengadakan pilihanraya negeri pada tahun 1994 dan pada masa pilihanraya umum tahun ini, pemimpin-pemimpin Barisan Nasional telah menyuarakan pujian terhadap sumbangan sekolah-sekolah menengah persendirian dan sekolah-sekolah rendah Cina terhadap pembinaan negara serta pembangunan sumber-sumber manusia.

Tahun lepas Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pernah berkata di Sabah bahawa sekolah menengah Cina merupakan satu pelaburan jangka panjang kebangsaan. Sekiranya, pendidikan bahasa ibunda, sama ada di sekolah-sekolah rendah Cina, sekolah-sekolah menengah persendirian Cina ataupun Kolej New Era yang dicadangkan itu, dipandang melalui fikiran yang penuh kesedaran yang terbuka sebagaimana yang ditunjukkan oleh para pemimpin Barisan Nasional semasa pilihanraya Negeri Sabah dan pilihanraya umum nasional, maka cadangan menubuhkan Majlis Perundingan yang saya kemukakan ini tidak harus ditentang.

Bagaimanapun, dari beberapa pengumuman yang dikeluarkan oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional, termasuk Menteri-menteri Kabinet serta reaksi-reaksi yang ditunjukkan oleh Dong Jiao Zhong adalah jelas bahawa di dalam Rang Undang-undang Pendidikan 1995 ini, wujudnya banyak peruntukan-peruntukan yang telah mencetuskan rasa prihatin dan kerisauan.

Antara dua kerisauan yang utama adalah:

(1) Bahawa walaupun seksyen 21(2) Akta Pendidikan 1961 telah dihapuskan, tetapi objektif muktamat Dasar Pendidikan Nasional masih kekal sebagai falsafah pimpinan Rang Undang-undang baru ini.

(2) Bahawa Rang Undang-undang Pendidikan 1995 mengandungi

peraturan-peraturan dan sekatan-sekatan yang baru yang menjejaskan sekolah-sekolah menengah persendirian Cina dari berfungsi dan membangun secara bebas yang mana tidak wujud, yang mana tidak ada sekatan-sekatan di bawah Akta Pendidikan 1961.

Sekiranya Kerajaan Barisan Nasional benar-benar menganggap sekolah-sekolah menengah persendirian Cina ini sebagai pelaburan kebangsaan jangka panjang, maka fungsi dan pembangunan sekolah-sekolah ini tidak harus disekat di bawah Rang Undang-undang Pendidikan 1995 yang mana tidak pernah wujud di bawah Akta Pendidikan 1961.

Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama telah merujuk kepada salah satu peraturan baru yang dikatakan bakal menyekat sekolah menengah persendirian di bawah Rang Undang-undang Pendidikan baru ini, yang mana akan memberi kesan buruk ke atas sijil peperiksaan seragam sekolah menengah persendirian Cina.

Lain-lain masalah termasuklah:

(i) Sekolah menengah persendirian Cina perlu mendapatkan pengecualian dari Menteri Pendidikan untuk terus beroperasi kerana mereka tidak menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama. Perkara ini sudah tentu akan memberikan ruang yang lebih untuk berlakunya penyalahgunaan kuasa dan campur tangan ke dalam pentadbiran sekolah menengah persendirian Cina.

Sekiranya sekolah menengah persendirian Cina ini diiktiraf oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan sebagai 'pelaburan kebangsaan jangka panjang' dalam tempoh pilihanraya, mengapakah mereka tidak diberikan pengiktirafan berkanun (statutory) di dalam Rang Undang-undang Pendidikan 1995 yang dengan khasnya menyekat tentang sekolah-sekolah ini dan membenarkan mereka mendapat 'nyawa sah baru' dengan diberikan pengecualian baru dari Menteri Pendidikan apabila Akta Pendidikan baru menjadi undang-undang?

(ii) Peraturan baru yang mengkehendaki sekolah menengah persendirian Cina menyediakan pelajar-pelajar mereka menghadapi peperiksaan kerajaan.

(iii) Sekatan-sekatan baru yang menghalang sekolah-sekolah menengah persendirian Cina dari menawarkan program-program berkembar kecuali dengan mendapat kelulusan dari Menteri Pendidikan.

(iv) Peraturan baru yang mengenakan semua peraturan dan pengawalan di dalam Akta Pendidikan baru ke atas semua Sekolah Persendirian Cina kecuali mereka yang mendapat pengecualian khas.

(v) Peraturan baru yang mengkehendaki guru-guru di sekolah-sekolah menengah persendirian Cina berdaftar di bawah Kementerian Pendidikan, dan kuasa baru diberikan kepada Kementerian Pendidikan untuk menarik balik pendaftaran berkenaan. Sekiranya undang-undang ini telah dilaksanakan di bawah Akta Pendidikan 1961, maka saya percaya Loot Ting Yu tidak akan dibenarkan menjadi guru di sebuah sekolah menengah persendirian Cina.

(vi) Sesiapa yang menyelenggarakan kolej latihan guru-guru tanpa mengikut syarat-syarat yang

ditentukan oleh Menteri Pendidikan akan dihukum dengan RM30,000 atau dua tahun penjara atau kedua-dua sekali.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Barisan Nasional telah mendapat kemenangan yang begitu besar di dalam pilihanraya umum bulan April ini, dengan mendapat majoriti lima per enam di Parlimen, ia haruslah lebih peka terhadap keraguan-keraguan dan kerisauan-kerisauan yang ditunjukkan oleh orang ramai terhadap Rang Undang-undang Pendidikan baru mengenai soal kedudukan dan masa depan pendidikan Cina di Malaysia.

Ini adalah kerana kerajaan mesti mengakui bahawa ia bukannya selalu mengenakan prinsip pendidikan yang ketat ataupun syarat-syarat profesional ke atas masalah yang menjejaskan pendidikan Cina.

Sebagai contoh, Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah mengumumkan bahawa Kementerian Pendidikan akan membenarkan pelajar-pelajar dari darjah 6 masuk ke tingkatan satu secara automatik (pelajar daripada sekolah rendah Cina) tanpa perlu melalui kelas peralihan, sekiranya ini adalah pilihan para ibu bapa sendiri.

Empat tahun yang lepas Kementerian Pendidikan telah menentang dengan sekuat-kuatnya, sekeras-kerasnya cadangan untuk membenarkan pelajar-pelajar sekolah rendah Cina yang mendapat pencapaian akademik yang amat cemerlang untuk memasuki tingkatan satu secara automatik di sekolah menengah kebangsaan.

Alasan yang dikemukakan oleh Kementerian Pendidikan pada masa itu termasuklah alasan dari segi pendidikan dan dari segi profesional, kononnya statistik telah menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar dari sekolah-sekolah rendah Cina tidak dapat mencapai keputusan yang baik di sekolah-sekolah menengah kebangsaan dan dicicir.

Seterusnya, peraturan 6A telah dimodifikasikan menjadi 4A-2C, kemudian ditukar menjadi 4B-2A dan kini ditukar pula dengan mencadangkan kepada semua ibu bapa supaya anak-anak mereka boleh terus memasuki kelas tingkatan satu, sekiranya mereka bersetuju.

Apakah asas pendidikan dan profesional untuk pendirian-pendirian Kementerian Pendidikan pada masa lampau dan hari ini, mana ada profession on this? Mana ada prinsip pendidikan?

DAP bukan sahaja mengambil perhatian mengenai kedudukan dan masa depan pendidikan Cina di dalam proses pembaharuan pendidikan yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Tiga lagi kawasan mengenai masa depan pendidikan rakyat Malaysia yang harus diambil perhatian oleh semua rakyat Malaysia adalah:

(i) Bagaimanakah Malaysia dapat menjadi satu pusat pendidikan cemerlang terutama di tahap pendidikan tinggi yang diiktiraf dan dihormati dalam arena antarabangsa—bukan sahaja oleh negara-negara sedang membangun tetapi juga oleh negara-negara maju;

(ii) Bagaimanakah Malaysia dapat menjadi pemimpin dalam menggunakan revolusi teknologi informasi dan lebuh raya informasi di dalam bidang pendidikan semua peringkat, sama ada pada peringkat tinggi, menengah ataupun rendah serta juga dalam usaha membangunkan bidang pendidikan jarak jauh;

(iii) Pengkorporatasian universiti-universiti tempatan dan sama ada tindakan ini akan menyebabkan golongan berpendapatan rendah tidak berpeluang mendapat pendidikan tinggi.

Dengan sebab-sebab inilah saya hendak menyeru Yang Berhormat Menteri Pendidikan supaya memastikan bahawa para Ahli Parlimen serta rakyat Malaysia diberikan masa yang secukupnya untuk mengkaji dan membincang 4 Rang Undang-undang Pendidikan yang bakal dibentangkan kelak dan memberikan sekurang-kurangnya masa dua bulan untuk rakyat mengkaji, merunding dan membahas, serta meluangkan sekurang-kurangnya dua hari untuk perbahasan setiap rang undang-undang berkenaan.

Saya mengalu-alukan tindakan menghapuskan cukai jualan ke atas komputer dan lain-lain komponennya, termasuklah software serta peruntukan bahawa di dalam pengiraan cukai pendapatan, elaun modal yang berhubung dengan perbelanjaan komputer dan lain-lain peralatan teknologi informasi akan diberikan tuntutan pemotongan cukai untuk tempoh selama dua tahun.

Saya mengalu-alukan respon Belanjawan 1996 terhadap revolusi teknologi informasi ini. Walaupun ia masih tidak dapat digelar sebagai sebuah Belanjawan Information Technology (IT) sebagaimana yang pernah saya cadangkan—demi meletakkan batu asas menjadikan Malaysia sebagai pemimpin di dalam Lebuh Raya Informasi.

Saya bersetuju dengan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang menyebut di dalam Ucapan Belanjawan beliau bahawa ekonomi Malaysia mesti maju ke tahap di mana nilai sektor perkhidmatan—yang kini agak lemah dan merupakan salah satu faktor utama yang menyebabkan defisit di dalam akaun semasa—harus melebihi nilai sektor perbuatan, jika tidak, prospek masa depan Malaysia tidaklah secerah yang diharapkan.

Ini akan bergantung ke atas soal berapa majukan Infrastruktur Informasi Kebangsaan (National Information Infrastructure (NII)) kita yang akan semakin menentukan kuasa persaingan dan kesihatan, kebahagian ekonomi negara ini. Sebenarnya, industri informasi sedunia dijangka akan merangkumi 15% daripada GNP dunia pada tahun 2000.

Kita harus menganggap infrastruktur lebuh raya informasi ini sebagai suatu infrastruktur asas kerana ia bermakna:

(i) kelebihan kuasa persaingan yang bertambah untuk syarikat-syarikat Malaysia;

(ii) peluang untuk membangunkan industri-industri spesifik;

(iii) perkhidmatan kerajaan dan informasi yang lebih bagus, berkesan dan berkos-efisien; serta

(iv) mempertingkatkan kualiti kehidupan dan menukar cara hidup, belajar, bekerja serta hiburan rakyat Malaysia.

Kita amat memerlukan satu polisi infrastruktur informasi kebangsaan yang bertujuan menjadikan Malaysia sebagai pemimpin di dalam sektor lebuhraya informasi, yang harus merangkumi objektif-objektif berikut:

(a) merangsangkan kesedaran di kalangan rakyat Malaysia pada keseluruhannya mengenai significance lebuh raya informasi di Malaysia dan di seluruh dunia;

(b) membina penggunaan teknologi informasi di Malaysia di kalangan kerajaan, sektor swasta dan pengusaha-pengusaha individu;

(c) menggalakkan syarikat-syarikat Malaysia melabur di dalam penggunaan teknologi dan software baru lebuh raya informasi ini dan memasarkan proses-proses ini ke arena antarabangsa;

(d) meyakinkan syarikat-syarikat supaya melibatkan teknologi dari tempat-tempat lain ke dalam pembangunan di Malaysia, sama ada melalui pelaburan terus ataupun secara perkongsian.

Adalah jelas bahawa kita perlu mendidik rakyat Malaysia mengenai cara menggunakan lebuh raya informasi ini dengan segera dan memberi tahu rakyat Malaysia mengenai potensinya terhadap pembangunan sosial dan ekonomi serta penciptaan peluang-peluang pekerjaan baru, dan saya berharap belanjawan-belanjawan masa depan akan lebih berorientasikan IT lagi.

Menteri Kewangan berkata bahawa bermula dengan tahun akademik 1996, semua institusi pengajian tinggi akan memperkenalkan pengajian jarak jauh. Ini sesuatu yang patut dipuji, tetapi setahu saya, di dalam universiti-universiti tempatan kita, pelajar-pelajar tidak dibenarkan menggunakan kemudahan Internet. Memandangkan komunikasi dan informasi kini merupakan dua sumber yang menentukan kejayaan ekonomi dan daya persaingan sesuatu negara, kita harus mengadakan satu rancangan komunikasi dengan tujuan-tujuan seperti berikut:

(i) dengan kerajaan sebagai model pengguna/pelanggan lebuh raya informasi, Malaysia harus membina akses elektronik kepada bidang-bidang perkhidmatan seluas-luasnya. Ini akan membawa peluang-peluang baru untuk pembelajaran seumur hidup, penjagaan kesihatan yang lebih efisen dan efektif, lebih akses ke informasi dan 'one-stop shopping' untuk mendapatkan informasi dari kerajaan serta produk dan perkhidmatan berasaskan informasi yang luas lingkungannya.

(ii) pelajar-pelajar universiti seluruh Malaysia harus dibenarkan menggunakan kemudahan Internet untuk menjalankan penyelidikan dan mendapatkan informasi yang paling baru;

(iii) akhirnya semua sekolah akan mendapat kemudahan Internet, E-mail dan buletin elektronik; serta

(iv) setiap rumah boleh menjadi rumah sekolah, dengan akses ke gudang pengetahuan dan informasi sedunia melalui komputer.

Untuk menuju ke arah sedemikian, rakyat Malaysia mestilah tahu mengenai komputer dahulu. Pengecualian cukai jualan ke atas komputer walaupun dialu-alukan tetapi masih tidak mencukupi, dan kerajaan harus menubuhkan satu tabung supaya memberikan pinjaman kepada rakyat untuk membeli komputer supaya rakyat Malaysia, termasuk mereka yang terdiri dari golongan berpendapatan rendah, boleh memiliki sebuah komputer di rumah masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam ucapan Belanjawannya, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan berucap mengenai keperluan mengurangkan ataupun mengatur semula projek-projek raksasa untuk mengurangkan tekanan kewangan dan mengelakkan kehilangan tunai yang berhasil dari mengkelompokkan semua projek sekali gus. Salah satu projek raksasa yang semestinya dikaji semula ialah projek empangan Bakun bernilai RM15 billion yang penuh dengan kontroversi. Sehingga hari ini, Kerajaan Persekutuan masih tidak menjelaskan mengapa ia telah membalikkan keputusannya untuk menghentikan projek empangan Bakun demi alasan-alasan persekitaran tiga tahun kemudian pada September. 1993.

Apa yang paling mengejutkan sekali adalah Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos telah cuba menipu/ mengelirukan Parlimen pada bulan Ogos lepas dan mengelak dari memberikan satu penjelasan apabila beliau menafikan bahawa Kabinet pernah mengambil keputusan pada bulan Mei 1990 untuk menghentikan Projek Empangan Bakun, di mana pada bulan Jun 1990, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan sendiri di satu persidangan antarabangsa bahawa Kabinet telah scrap projek empangan Bakun.

Projek Empangan Bakun diseliputi dengan begitu banyak misteri dan rahsia. Saya menyeru supaya Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, selaku Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Bakun untuk menunaikan janjinya yang dibuat oleh beliau apabila beliau berdialog dengan NGO-NGO pada bulanOgos lepas bahawa kerajaan akan mengumumkan semua hasil kajian yang telah dilakukan ke atas Projek Empangan Bakun semenjak tahun 1980-an. Kalau tak silap semuanya 16 dokumen atau kajian-kajian.

Apa yang paling memeranjatkan mengenai Projek Empangan Bakun adalah ia dipenuhi dengan senarai-senarai kenyataan yang saling bertentangan, kontradiksi yang datang dari Kerajaan Persekutuan serta Kerajaan Negeri Sarawak sendiri. Awal bulan ini, Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud berucap di upacara pembukaan seminar tiga hari mengenai journalisme persekitaran yang dianjurkan oleh Institut Akhbar Malaysia dan The Freedom Forum di Kuching. Beliau mengatakan bahawa, dengan izin, "the current energy need of the country was more than 10,640 megawatt. This figure is projected to grow to about 15,550 megawatt by the year 2,000 and 50,000 megawatt by the year 2020".

Saya tidak tahu dari mana Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak dapat angka-angka beliau, tetapi semuanya jelas berlainan dari angka-angka yang dinyatakan oleh Menteri Tenaga, Telekom dan Pos apabila beliau membentangkan kenyataan kementeriannya di Dewan Rakyat pada 14hb Ogos 1995 mengenai angka keperluan tenaga masa kini dan masa depan Malaysia.

Ini adalah apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos di dalam kenyataan kementerian beliau, "Adalah diramalkan permintaan punca kuasa elektrik akan berkembang pada kadar 10.3%. Permintaan puncak untuk seluruh negara dijangka meningkat daripada 6,276 megawatt pada tahun 1995 kepada 10,448 megawatt pada tahun 2000 dan seterusnya dijangka mencapai 16,389 megawatt pada tahun 2005". Dari manakah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak mendapat angka-angka bahawa keperluan tenaga Malaysia akan mencapai 15,550 megawatt pada tahun 2000, sementara Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos memberitahu Parlimen kurang dari dua bulan lepas bahawa ia hanya sebanyak 10,448 megawatt sahaja, iaitu perbezaan 50%? Ini bukannya kali pertama wujudnya fakta-fakta dan aspek penting yang bertentangan sama sekali mengenai Bakun.

Sebagai contoh, pada bulan lepas, Menteri Kewangan Sarawak, Dr. George Chan memberitahu satu seminar tiga hari mengenai Bakun di Kuching bahawa kuasa tenaga dari Bakun akan dieksport ke negara-negara jiran seperti Singapura, Filipina dan Indonesia untuk mendapat pendapatan mata wang asing. Tetapi perkara ini dinafikan oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos pada hari seterusnya yang mengatakan bahawa semua kuasa letrik yang dihasilkan oleh Bakun akan digunakan di negara kita sendiri dan tidak akan dieksport.

Kenyataan-kenyataan yang mengelirukan oleh Ketua Menteri Sarawak serta Menteri-menteri Negeri Sarawak mengenai aspek-aspek penting Bakun ini membuktikan bahawa kajian dan penilaian

yang tidak sempurna telah dilakukan sebelum projek berkenaan dilaksanakan. Kita boleh menerbitkan satu buku yang dipenuhi dengan kontradiksi-kontradiksi mengenai Bakun yang dikeluarkan oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional peringkat Persekutuan serta negeri Sarawak.

Salah satu kenyataan yang paling cuai dan sembrono yang pernah diudarakan adalah kenyataan yang dibuat oleh Setiausaha Politik Perdana Menteri, Encik Abdul Aziz Shamsuddin yang berkata di Sarawak bahawa rakyat di Belaga menyokong sepenuhnya projek Bakun dan bahawa Sahabat Alam Malaysia hanya berjaya mengumpul 97 tandatangan dari 9,428 penduduk Belaga di dalam Kempen Perisytiharan Bakun.

Pada hakikatnya, 97 tandatangan yang diperolehi untuk deklarasi Bakun yang meminta supaya rakyat Belaga dirundingi sebelum sebarang keputusan diambil ke atas projek Bakun serta meminta pampasan yang adil bagi rakyat yang terjejas ini, bukannya tandatangan individu tetapi ketua rumah tangga yang terlibat, dan ia hanya merupakan peringkat pertama kempen berkenaan yang hingga kini masih berlangsung.

Tambahan lagi, ini merupakan kempen tandatangani kali ke-tiga yang dijalankan oleh rakyat yang terjejas oleh projek Bakun di kawasan berkenaan.

Pada tahun 1985-1986, penduduk tempatan telah mengadakan satu kempen menandatangani beramai-ramai dan telah menyerahkan 2,000 tandatangan kepada Kerajaan Persekutuan serta kerajaan negeri, yang mana mewakili setengah dari jumlah Orang Asli yang terjejas, kerana pada tahun 80-an dijangka hanya 4,000 orang yang terjejas oleh projek Bakun.

Sekali lagi, pada tahun 1993, apabila pengumuman dibuat mengenai hidup kembali projek Bakun, satu lagi kempen tandatangan beramai-ramai telah dilakukan. Kali itu, sebanyak 3,500 tandatangan telah dikutip dan dihantar kepada pihak-pihak berkuasa, antaranya 800 Orang Asli dari Belaga dan lebih dari 2,000 dari Rejang Hilir.

Hasil dari ketiga-tiga kempen tandatangan ini, kempen yang ketiga belum selesai, ia memberikan satu gambaran yang langsung bertentangan dengan apa yang dinyatakan oleh Encik Aziz Shamsuddin mengenai sokongan sebulat suara rakyat Belaga kepada projek Bakun ini.

Minggu lalu, Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos telah memberi satu jawapan yang agak panjang kepada satu soalan saya mengenai Bakun dan earthquake. Inilah boleh disifatkan sebagai satu kenyataan yang panjang dan pernah dibuat oleh sesiapa di dalam pihak kerajaan mengenai topik ini, tajuk ini ialah 'Bakun dan earthquake', dan gempa bumi, dan saya memuji Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, oleh kerana inilah satu sumbangan yang positif terhadap proses memastikan bahawa proses 'decision making' mengenai Empangan Bakun lebih accountable dan transparent supaya ia boleh diperiksa oleh rakyat Malaysia amnya dan khususnya Orang Asli di Belaga yang terlibat.

Jawapan Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos adalah banyak kelemahannya dan beliau harus memberi penjelasan kepada Parlimen dan negara mengenai kelemahan-kelemahan rancangannya, di antara kelemahan-kelemahan itu ialah:

(i) Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos mendakwa bahawa Empangan Bakun boleh tahan satu earthquake ditahap 'six on richter scale'. Tetapi pada permulaan bulan ini, Pengurus Bakun Management Sendirian Berhad, Wan Zawawi Wan Akil, dia dalam satu kenyataan berkata

bahawa Bakun dam sebenarnya didesign untuk boleh tahan earthquate sehingga 6.4 on the richter scale, siapa benar? Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos atau Pengurus Bakun Management Sendirian Berhad.

(ii) Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, beliau berkata bahawa penilaian yang sebenar mengenai kegiatan seismic (seismic activity) di site Bakun project adalah mencatatkan, dengan izin, 'peak ground acceleration' ialah 0.012 x earth gravity apabila dibanding dengan kriteria design yang memerlukan 0.1 time of the earth gravity, yang dilaporkan dalam Laporan EIA atau 9 kali lebih tinggi. Ini lagi satu kesilapan, oleh kerana kalau kita kaji ini bukan 9 kali lebih tinggi tetapi barulah 8 kali, tetapi kenapa satu kesilapan semacam ini boleh dibuat, kalau ada profesionalisme dalam perunding-perunding atau pakar yang bertanggungjawab untuk mengendalikan projek raksasa Bakun.

Dalam jawapan beliau dan dia berkata, sebagai preface kepada jawapan, dia kata: "Untuk mengelakkan orang ramai terkeliru dengan tindak-tanduk Ahli Yang Berhormat dari Tanjong itu, saya ingin memberi ciri keupayaan hidrolektrik Bakun berasaskan kajian-kajian yang telah dilakukan oleh pihak profesional". Dan beliau memberikan ciri-ciri keupayaan semacam berikut:

(i) Maximum Generating Capacity 2,400 MW;

(ii) Minimum Generating Capacity 1,820 MW;

(iii) Firm Capacity 1,771 MW;

(iv) Average Annual Energy Production 16,785 GWH;

(v) Firm Annual Energy Production 15,617 GWH; dan

(vi) Average Plant Factor 80%.

Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, beliau mencabar kredibiliti seorang analyst Empangan Dr. Wang Weilou, dan berkata bahawa orang inilah tidak ada kelayakan untuk membuat analisa, bahawa dia hanya seorang pensyarah regional planning (rancangan serantau) di Universiti Dortmund, Germany dan tidak pernah membuat apa-apa analisa mengenai kajian feasibiliti atau dokumen-dokumen tender projek itu dan punca maklumat Dr. Wang Weilou ialah daripada surat khabar sahaja.

Yang pertama, saya perlu menerangkan bahawa Dr. Wang Weilou bukan seorang lecturer in Regional Planning tetapi lecturer in Spatial Planning yang adalah dengan Department of Spatial Planning, University Dortmund, Germany.

Kedua, bukanlah kesalahan Dr. Wang Weilou, kalau dia tidak dapat access, tidak dapat peluang untuk membuat kajian mengenai beberapa kajian dan data-data yang ada dibuat mengenai Bakun dan dicommission oleh Kerajaan Persekutuan atau Negeri, oleh kerana beliau tidak diberi access, dan janji-janji Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mahu mengumumkan semua data-data, laporan-laporan mengenai Bakun belum ditunaikan.

Tetapi, kalau tanpa dapat access kepada dokumen-dokumen, data-data sekarang dalam tangan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan mungkin Ekran Sendirian Berhad, Dr. Wang Weilou boleh membuat analisa, boleh membuat kritik-kritik di mana Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Ekran Sendirian Berhad mendapat sangat sukar untuk rebut.

Ini menunjuk kalau Dr. Wang Weilou dan pakar-pakar yang lain, kalau mereka

boleh dapat access kepada semua kajian yang berkenaan, data-data mengenai projek Bakun dam, mungkinlah pihak yang berkuasa tidak boleh menyakinkan rakyat Malaysia bahawa projek Bakun ialah satu keputusan yang bijaksana.

Di sini, saya ingin membuat satu cadangan kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, kalau beliau yakin bahawa Dr. Wang Weilou seorang yang tidak layak untuk membuat analisa dan komen-komen mengenai projek Bakun Dam, satu jalan yang sangat senang ialah untuk yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos memberi sokongan kepada cadangan kumpulan Ahli Parlimen Malaysia mengenai environment dan pembangunan atau Malaysian Parliamentary Group Environment and Development, yang mahu mengadakan satu conference mengenai Bakun di mana Kerajaan Persekutuan memberi kejasama dan sokongan yang sepenuhnya, di mana kita boleh menjemput Dr. Wang Weilou datang memberi pandangan. Dan kalau semua pengkritik-pengkritik beliau dan analisa-analisa beliau tidak berasas, iaitu tempat yang baik untuk exposenya.

Kalau inilah cara yang baik, cara yang wajar supaya kita boleh lihat sama ada penganalisa-penganalisa, pengkritik-pengkritik Dr. Wang Weilou adalah berasas atau tidak berasas. Sebenarnya saya pun ada berhubung dengan Dr. Wang Weilou mengenai jawapan-jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri mengenai ciri-ciri keupayaan haidro-elektrik Bakun. Jawapan yang saya dapat dari Dr. Wang Weilou tidak memberi satu bayangan yang baik kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos. Oleh kerana beliau berpendapat mengikut data-data yang ada dalam laporan-laporan Bakun yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bahawa tidak mungkin Bakun Dam boleh dapat satu power. Power average output ialah 16,785 Gigawatt/hour. Oleh kerana hydro-elektric power bergantung, dengan izin, usable stream flow, the usable water head and the efficiency of the turbain generator and transformer. At the greater the usable stream flow the greater the hydro-electric power dia kata mengikut 3 laporan yang ada dibuat mengenai Bakun Dam, adalah angka-angka yang berbeza mengenai average stream flow di kawasan dam (dam site).

Mengikut, dengan izin, master plan for electricity supply, survey of potential hydro-power di Sarawak, Mei 1991, the average stream flow at the dam site reached 1,560 cubic meter/second. Tetapi mengikut Bakun Hydro-Electric Project Feasibility Report pada November, 1983 average stream flow at the dam site sudah turun kepada 1,440 cubic meter per second. Dan mengikut interim report Bakun Dam (EIA interim Report) pada November 1994 average stream flow di dam site sudah dikurangkan lagi kepada 1,314 cubic meter per second.

Ini menunjukkan bahawa dalam tempoh 13 tahun antara 1981-1994 everage stream flow sudah kurang kepada 15.8% dan oleh kerana itu, installed capacity Bakun dam tidak mungkin 2,400 megawatt tetapi mengikut perkiraan ialah 2,170 megawatt dan average power output per annum bukanlah 16,785 gigawatt/hour tetapi 15,250 gigawatt/hour. Mengikut Dr. Wang, penurunan average stream flow 15.8% ini sangat bahaya-satu dangerous tendency dan mungkin boleh diakibatkan oleh kerana kegiatan-kegiatan logging yang dijalankan atau oleh kerana, dengan izin, cyclical pattern of nature. Tetapi kalau ini diteruskan akan mempengaruhi water power, output of the dam di masa depan dan akan mempengarahui masalah feasibility, viability dam itu, sama ada dari segi teknikal atau dari segi kewangan. Inilah mustahak oleh kerana kita Ahli Parlimen mempunyai tanggungjawab untuk faham perkara semacam ini. Mungkin bukan semua orang yang tahu apalah itu 'gigawatt/hour'?

Tuan Yang di-Pertua, ada satu lagi kontradikasi dalam jawapan Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos kepada saya oleh kerana selepas ministry statement yang ada beliau buat dalam Dewan yang mulia ini pada 14hb Ogos ia ada satu sidang akhbar dengan pemberita-pemberita di mana dia kata bahawa actual capasity Bakun dam ialah lebih kurang 60%, tetapi dalam jawapan beliau minggu lalu, actual capacity ialah 80% dan sekarang sudah ada 2 angka 80% dan 60% Mana angka yang betul?

Ada lagi satu aspek yang sangat mustahak, oleh kerana soalan saya ialah berkenaan dengan Bakun dan earthquake, Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos sudah gagal untuk memberi satu jawapan mengenai satu aspek yang sangat penting. Satu perkara sungguhpun tidak begitu diketahui umum, tetapi untuk Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab mengenai Bakun Dam patut tahu, oleh kerana diketahui oleh semua orang yang boleh dikatakan 'pakar-pakar' dalam bidang ini ialah bahawa empangan hidro yang begitu besar seperti Bakun dam boleh dengan sendirinya trigger of an earthquake. Earthquake boleh berlaku oleh kerana dua sebab iaitu oleh kerana dalam earthquake belt apabila ada sismik aktiviti maka berlaku earthquake. Kedua, oleh kerana empangan hidro yang begitu besar designnya dengan sendirinya boleh mengakibatkan sismik movement dan earthquake.

Di United State satu commission on large dam-komisyen ini ada-lah.....

Dato' Dr. Kamal bin Salleh: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, ada yang bangun minta jalan. Wangsa Maju.

Dato' Dr. Kamal bin Salleh: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Adakah Yang Berhormat Tanjong tahu sama ada kes di mana empangan besar sebegitu yang tidak di dalam zon earthquake pernah pecah ataupun membawa kepada earthquake?

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, earthquake diinducekan bukan oleh kerana the earthquake belt, tetapi oleh kerana empangan hidro dan oleh kerana ada perkara semacam ini kita perlu fahami masalah ini, sama ada sebagai contohnya, Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri atau Ekran Sdn. Bhd. ada komisen pakar-pakar untuk mengkaji perkara semacam ini dan sampai sekarang kita tidak boleh mendapat jawapan. Apa yang kita mahu ialah maklumat yang pro dan kontra, tetapi sekurang-kurangnya kita perlu mendapat maklumat, tetapi semua maklumat ini dirahsiakan - Official Secret Act, kenapa? Adakah ini berasas, adakah ini patut dibenarkan? Bukankah ini tanggungjawab kita untuk menuntut supaya semua data diumumkan? Itulah point yang mustahak yang saya mahu kemukakan di sini.

Saya di sini bukan kata saya anti Bakun, tidak. Tetapi ada banyak soalan-soalan yang ada dikemukakan dan tidak dapat dijawab oleh pihak yang berkenaan sama ada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Ekran Sdn. Bhd. Dan kita ada tanggungjawab supaya mendapat maklumat dan mungkin satu cadangan yang baik oleh kerana sudah dua, tiga tahun satu persidangan diadakan, mungkin Backbenchers kelab pun boleh kaji perkara ini dan kita boleh bekerjasama dengan Malaysian Pollutery Group on Environment and Development supaya semua Ahli Parlimen tidak kira parti, boleh bersidang untuk faham isu ini. Bukan satu conference untuk menentang Bakun, bukan satu conference untuk menyokong Bakun, tetapi satu conference supaya semua faham segala aspek, supaya dapat mengumpul semua maklumat mengenai

Bakun supaya Ahli-ahli Parlimen boleh membuat satu inform decision. Sekarang siapa yang boleh membuat satu inform decision? Ada soalan-soalan yang dikemukakan, tetapi tidak ada orang yang mahu jawab, Menteri tidak mahu jawab, Menteri tidak mahu ada satu perbahasan, apa yang rela buat ialah satu kenyataan kementerian (ministerial statement) tetapi tidak ada dibahaskan. Itu saya rasa sangat mustahak dan tidak semacam satu contoh.....

Tuan Billy Abit Joo: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada yang bangun, orang Sarawak.

Tuan Billy Abit Joo: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Tanjong kerana telah memberi saya peluang. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasihlah...

Tuan Lim Kit Siang: Bukan berucap, ini mahu penjelasan atas hujah.

Tuan Billy Abit Joo: ...atas prihatin Yang Berhormat dari Tanjong...

Tuan Lim Kit Siang: Tidak payah ucapan. Ada penjelasan dia tanya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Beri dia peluang.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan untuk ucapan.

Tuan Billy Abit Joo: Minta penjelasan. Atas prihatin saudaralah terhadap masyarakat Hulu Rajang ataupun masyarakat Bakun. Yang saya ingin tanya di sini, sama ada mereka yang tidak sokong seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi ialah tidak sokong ataupun menyuarakan keraguan? Yang saya tahu, pada awalnya mereka ragu tetapi sekarang mereka menyokong projek ini. Ini soalan pertama.

Yang kedua, Yang Berhormat, selain dari manfaat yang akan terdapat untuk masyarakat tempatan dari projek ini, social engineeringlah yang mungkin berlaku, apakah pendapat yang Berhormat? How can we bring development to these people other than through this project?

Tuan Lim Kit Siang: Tadi saya sudah terangkan. Saya belum buat satu pendirian untuk menentang Bakun tetapi kita ada hak untuk dapat segala maklumat yang perlu supaya bukan sahaja kita dalam Dewan yang mulia ini tetapi rakyat boleh buat satu keputusan yang informed tetapi sekarang kita dinafikan segala maklumat sehingga semua kajian yang dicommission oleh Kerajaan Persekutuan, oleh Kerajaan Negeri, semua dikunci di bawah Akta Rahsia Rasmi. Kenapa? Kalau semua kajian menunjukkan bahawa rancangan Bakun adalah baik untuk kesejahteraan orang-orang di Sarawak, kenapa tidak berani untuk mengumumkan kajian-kajian itu? Itu yang pertama.

Yang kedua, saya bukan menentang bahawa orang-orang pedalaman di Belaga boleh dapat satu peluang, dapat kemajuan. Saya tidak menentang tetapi adakah itu cara yang mereka menyokong, saya tidak tahulah. Yang Berhormat, kalau tidak silap ialah Ahli Parlimen untuk kawasan itu, bukan? Hulu Rajang ada atau tidak. Ahli Parlimen untuk kawasan itu, tetapi saya tidak tahulah sama ada yang Berhormat mewakili orang Asli, orang-orang Sarawak di Belaga atau mewakili Ekran. Saya tidak tahu, itu saya tidak tahu....

Tuan Billy Abit Joo: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia bangun, Yang Berhormat.

Tuan Billy Abit Joo: Yang Berhormat dari Tanjong, I have a lot of respects for you some time. You don't know me, you cannot assume such. Ini saya tidak

sanggup. Saya wakil Ekrankah atau Hulu Rajang, saya ingat it is very obvious. Siapa yang pilih saya? Tetapi you are trying to hide now, I think. Tadi dengan lantang menyuarakan rakyat di Belaga menentang Bakun. Pada awalnya, rakyat Belaga ada menyuarakan keraguan sebab beberapa perkara yang belum jelas khasnya tentang compensation dan juga resettlement programme. Tetapi mereka tidak tentang Bakun *per se* dan saya telah dipilih oleh rakyat di Belaga akan mewakili mereka sampai bila-bila masa. I think it is wrong for you to say, to spread insinuation that I am not representing the people for that area.

Tuan Lim Kit Siang: Inilah claim Yang Berhormat dari Hulu Rajang tetapi kita sudah ada di dalam Parlimen untuk lebih dari 20 tahun. Kita tahulah ada Wakil Rakyat, bukan mewakili rakyat tetapi mewakili sektor-sektor yang lain. Itu biasa. Kalau ada kawan-kawan yang duduk berhampiran Yang Berhormat tidak akan bald head sekarang, sudah botak. Bukan? *(Ketawa)* Dan saya tidak berhasrat untuk berucap bagi pihak penduduk-penduduk di Belaga oleh kerana saya tidak pergi ke Belaga tetapi kalau apa yang Yang Berhormat dari Hulu Rajang kata ialah benar bahawa sekarang semua orang di Belaga sudah memberi sokongan 100% kepada projek Bakun, tentulah boleh senang di mana satu rombongan Ahli Parlimen boleh dijemput untuk pergi ke Belaga dan dijemput dengan penduduk-penduduk supaya dapat confirmation (pengesahan)...

Tuan Billy Abit Joo: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, dia bangun lagi.

Tuan Billy Abit Joo: Yang Berhormat, you are very experienced. I did not say 100%, I said majority. You don't twist my word, please.

Tuan Lim Kit Siang: Tak perlu twistlah, tetapi majoriti apa itu? Apa majoriti itu dan dari mana kita dapat majoriti sekarang menyokong Bakun? Apa mekanisme?

Sebenarnya saya sudah akhiri mengenai Bakun dan satu tajuk lagi saya mahu sebut ialah mengenai kelakuan pihak polis - 'bias' pihak polis sama ada dalam perkara Tenaganita di mana ada dakwaan-dakwaan pada layanan yang tidak berperi kemanusiaan yang diberi kepada pekerja-pekerja asing yang ditahan di Pusat Tahanan Imigresen ataupun mengenai laporan-laporan polis yang dibuat oleh sama ada parti DAP, parti-parti pembangkang atau NGO-NGO terhadap kelakuan pihak polis.

Baru-baru ini, kita baca dalam *Star* ada satu survey mengenai pandangan orang ramai terhadap polis dan sangat nyatalah bahawa orang ramai ada sikap dan pandangan bahawa apabila dibandingkan dengan layanan terhadap VIP dan layanan terhadap orang ramai, pihak polis ada melakukan double-standard. Tetapi itu bukan sahaja di antara VIP dan orang ramai, di antara pegawai-pegawai polis dan pemimpin-pemimpin kerajaan dengan pemimpin-pemimpin parti pembangkang atau aktivis-aktivis NGO, pihak polis pun ada melakukan double-standard dan ini kalau diteruskan, tentulah akan merosakkan keyakinan orang ramai terhadap imej pihak polis sebagai custodian law and order. Ini mustahak.

Kita tidak mahu pihak polis memainkan apa-apa peranan politik. Bukan tanggungjawab, bukan tugas pihak polis untuk menjadi alat boneka parti-parti memerintah Barisan Nasional. Mereka ada tugas di bawah undang-undang, mereka ada tugas di bawah Perlembagaan untuk menjaga law and order, bukan menjadi cat's-paw Barisan Nasional. Ada kalanya pihak polis di sini dan sana menjadi cat's-paw Barisan Nasional. Ini silap, oleh kerana ada berlaku semacam ini, adalah kepercayaan, keyakinan orang ramai terhadap kebebasan, terhadap integrity, keutuhan pihak polis dirosakkan.

Saya ada kemukakan kepada IGP - Ketua Polis Negara, satu senarai kompelin-kompelin saya terhadap 'bias' polis. Semacam apa yang berlaku dalam tahun 1994, bulan Januari apabila ada akhbar Australia kata bahawa pemimpin-pemimpin, Ahli-ahli Parlimen Pembangkang adalah direcruit oleh spy ASIS (Australian Secret Intelligence Service) untuk menjadi agen-agen mereka.

Kita tengok berita itu dibesar-besarkan di Malaysia. Selepas satu minggu, berita itu dikeluarkan di Australia. Itu dibesar-besarkan selepas satu keputusan dibuat oleh Kabinet. Ini bererti satu keputusan politik dibuat membesar-besarkan isu ini sungguhpun pihak kerajaan patut tahu ini tidak benar oleh kerana saya percaya bahawa Cawangan Khas Polis sangat efisien. Mungkin ada department yang lain tidak efisien, tetapi Cawangan Khas Polis sangat efisien.

Kalau ada pihak-pihak pembangkang atau pemimpin-pemimpin pihak pembangkang menjadi agen negara luar, awal-awal mereka sudah ditangkap, tidak menunggu sehingga 10 tahun atau 15 tahun. Tetapi oleh kerana ada satu keputusan politik yang dibuat membesar-besarkan supaya embarrass pihak pembangkang, masa itu saya mungkin disifatkan sebagai menjadi agen Australian Secret Intelligent Service, pihak polis pun campur tangan mengatakan bahawa inilah satu tindakan kelakuan yang treacherous, yang sangat serius. Satu kenyataan yang dibuat oleh IGP mengatakan bahawa IGP patut tahu inilah permainan politik Kerajaan Barisan Nasional! Tetapi IGP rela menjadi cat's-paw Barisan Nasional masa itu. Cat's-paw!

Tetapi apabila seminggu atau dua minggu kemudian, ada laporan akhbar di Australia mengatakan bahawa bukan pihak pembangkang yang menjadi agen Australian Secret Intelligent Service, tetapi pemimpin-pemimpin UMNO, ahli-ahli Parlimen UMNO. Mungkin Menteri atau Timbalan Menteri UMNO! Wah! Pihak polis diam, hilang minat dan tidak mahu menyiasat lagi, tidak serius lagi! Tak serius lagi!

Kalau pihak pembangkang, itulah serius yang treacherous; kalau pihak UMNO, tak apalah, tak serius dan tak treacherous. Bagaimana kita boleh hormat pihak polis kalau mereka mahu memainkan politik semacam ini? Barisan Nasional memainkan politik, kita faham, tetapi pihak polis jangan memainkan politik. Mahu teruskan adil, bebas daripada all the political *mens rea*.

Apa yang kita mahu ialah semua rakyat Malaysia tidak kira parti boleh hormat polis sebagai bebas, dan ada profesionalisme! Kita mahu pasukan polis bersikap profesional dan kalau profesional tidak akan menjadi cat's-paw sesiapa! Kita ada banyak kes-kes tetapi sampai sekarang kita tidak dapat apa-apa jawapan yang memuaskan.

Yang Berhormat dari Kota Melaka ada ditangkap dan didakwa kerana membuat false news atau berita yang palsu dan ini menjadi satu charge di mana mungkin pihak Barisan Nasional berharap beliau akan dihukum, didenda atau dipenjarakan sehingga beliau hilang kelayakan untuk menjadi Ahli Parlimen. False news! False news di bawah Printing Press and Publication Act.

Kalau kita mahu pihak polis menangkap sesiapa oleh kerana membuat false news, mungkin Malaysia tidak ada Kabinet. Semua Menteri pun mahu masuk, buat false news.

Dalam pilihanraya besar baru-baru ini, termasuk Yang Berhormat kawan baik saya, mungkin false newslah–sungguhpun bukan jahat atau mungkin good false news. Good false news. Dalam kempen pilihanraya besar bulan April, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pergi dan beberapa kali melahirkan false news dan mengata saya mencabar pihak polis di

Pulau Pinang. Cabar polis untuk menangkap saya! Tak takut! Tak pernah berlaku! Tak pernah berlaku! Pihak polis pun tahu tak berlaku. Apa itu false news? False news!

Laporan polis ada dibuat, tetapi sampai sekarang tidak ada apa-apa tindakan. Kita tahu dia Perdana Menteri dan dia ada hak membuat false news. Tetapi kalau dia membuat false news dan tidak ada apa-apa tindakan diambil, kenapa ada false news? Itu pun berapa false news! Itulah double-standard! Kalau kita mahu kewibawaan, custodian law and order disanjung tinggi, mustahaklah bahawa pihak polis berjaga-jaga tidak menjadi umpan dalam arena permainan politik.

Pada 18 September 1995, Setiausaha National Dapsy DAP, Ronnie Liew kena pukul dengan dahsyatnya oleh FRU. Kenapa? Bukan dia mencabar FRU, bukan dia mahu melawan FRU, tetapi oleh kerana rakyat Malaysia dan warganegara Malaysia di Taman Aman, rumah mereka menghadapi tindakan perobohan. Rumah mereka akan dirobohkan oleh Majlis Perbadanan Petaling Jaya dan FRU dipanggil untuk menguatkuasakan perobohan itu dan Ronnie Liew sebagai pemimpin dan ahli politik tempatan ada dihubungi oleh setinggan-setinggan dan cuba memberi bantuan dengan berjumpa pegawai FRU yang bertanggungjawab untuk bertanya sama ada FRU ada waran daripada Mahkamah untuk melaksanakan tindakan perobohan rumah-rumah oleh kerana masa itu setinggan-setinggan ada memohon satu injuction untuk menahan semua tindakan merobohkan rumah.

FRU tidak memberi apa-apa response untuk memanggil dan menangkap dia dan dia dipukul oleh 10 orang dengan baton dan beliau cedera, luka satu meter dan masuk hospital. Ini disaksikan oleh orang ramai. Ini satu fact yang tidak boleh dinafikan oleh kerana dia luka seluruh badan. Dia dimasukkan ke University Hospital dan sampai sekarang tidak ada orang ditangkap dan didakwa dalam Mahkamah. Apa ini?

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Adakah pihak polis ada kebebasan above the law–mengatasi undang-undang? Ini adalah mustahak. Saya harap bahawa kita boleh mendapat satu jawapan yang memuaskan mengenai isu-isu atau perkara ini oleh kerana kita tidak mahu pihak polis menjadi satu pasukan di mana rakyat jelata tidak ada kepercayaan.

Saya tidak pernah ada apa-apa masalah dengan pihak polis. Saya selalu hormat pihak polis dan di Parlimen ini saya pun ada menyuarakan keperluan untuk meningkatkan gaji mereka dan memperbaiki syarat kerja mereka oleh kerana pihak polis adalah satu pasukan yang mustahak dalam institusi negara kita untuk upholds law and order. Tetapi kita tidak mahu segelintir orang dalam pasukan polis menyalahgunakan kuasa mereka sehingga merosakkan imej pihak polis di kalangan orang ramai.

Dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan mengenai masyarakat Madani di mana beliau mengatakan oleh kerana kualiti-kualiti ini, Malaysia menjaga voice of conscience for the marginalize and the oppressed of the world. Voice of conscience for the marginalize and the oppressed of the world.

Kalau Malaysia mahu menjadi the voice of conscience for the marginalize and the oppress of the world, kita perlu bertegas dalam isu-isu di mana sangat nyata ada pelanggaran dan pencabulan keadilan hak asasi dan satu isu ialah di Myanmar. Di Myanmar, Aun Sung Suu Kyi, sungguhpun beliau dibebaskan daripada tahanan Nobel Prize of Peace Laureate, tetapi dia masih tidak dibenarkan untuk bergiat dalam parti politik. Sebenarnya parti politik beliau sudah berjaya dalam satu pilihanraya untuk mendapat majoriti dan patut mengetuai satu kerajaan demokratik dan bebas di Myanmar.

Baru-baru ini junta tentera Myanmar telah mencegah Aun Sung Suu Kyi untuk dilantik semula sebagai pemimpin parti politik beliau iaitu National League for Democracy dan Kerajaan Malaysia patutlah menyampaikan protes, menyampaikan perhatian dalam perkara ini untuk memberitahu kepada junta tentera Myanmar bahawa tindakan semacam ini tidak boleh dibiarkan. Kerajaan Malaysia hendaklah bersikap bahawa mahu mengadakan constructive engagement dengan militari junta Myanmar supaya boleh membuka Myanmar. Tetapi kita tidak boleh membenarkan policy constructive engagement ini untuk menjadi satu blank-cheque regime tentera Myanmar untuk melakukan penganiayaan pemimpin-pemimpin rakyat di Myanmar semacam Aun Sung Suu Kyi.

Kita tahu bahawa Myanmar sekarang cuba untuk tarik pelaburan, tarik pelancong-pelancong, di tahun depan (1996) mereka ada Visit Myanmar Year. Wisma Putra patutlah menyampaikan mesej kepada junta tentera Myanmar kalau mereka tidak mahu memulihkan kebebasan dan demokrasi, membenarkan Aun Sung Suu Kyi untuk memainkan satu peranan yang penting dalam proses politik Myanmar dan tidak mahu membebaskan semua tahanan politik di Myanmar, Malaysia patut melancarkan satu "Boycott Visit Myanmar Year 1996". Boycott Visit Myanmar Year untuk menunjukkan kutukan kita terhadap dasar-dasar yang authoritarian itu seperti kita berdiri bersatu-padu, kata sepakat di mana semua parti politik Malaysia pada hari Khamis lalu bermesyuarat di Putra World Trade Centre yang dianjurkan oleh UMNO untuk mengutuk tindakan Perancis oleh kerana membolehkan ujian nuklear. Apa yang malangnya ialah dua hari selepas itu Perancis membuat ujian nuklear ketiga di South Pacific dan sebenarnya Parlimen patutlah membuat satu keputusan meluluskan satu ketetapan untuk mengutuk tindakan Perancis yang define morality dan international opinion dalam perkara ini dan saya harap bahawa oleh kerana masih ada usul atas Aturan Urusan Mesyuarat di bawah nama Yang Berhormat dari Kota Melaka bahawa kita boleh terus menunjukkan kepada dunia, bahawa kita semua rakyat Malaysia tidak kira parti bukan sahaja di luar Parlimen tetapi di dalam Parlimen pun boleh mengambil satu pendirian yang bersama untuk mengutuk tindakan kerajaan Perancis dan Presiden Jacques Chirac oleh kerana menyambung semula ujian senjata nuklear di Mururoa dan saya haraplah bahawa usul ini tidak akan tinggal atas Aturan Urusan Mesyuarat sahaja tetapi akan menjadi satu tajuk untuk dibahaskan dan diluluskan.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ledang.

5.26 ptg.

Tuan Hashim bin Ismail (Ledang): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kita Ahli-ahli Parlimen yang mewakili seluruh rakyat di negara ini sesungguhnya mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan di atas pembentangan belanjawan yang cukup selesa, melegakan dan bermanfaat kepada rakyat, termasuk parti-parti pembangkang yang setengah-setengahnya tidak pernah belajar untuk mengucapkan terima kasih kepada sesuatu yang baik dilakukan oleh kerajaan selaras dengan tuntutan masyarakat madani yang digembar-gemburkan oleh mereka.

Ternyata Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan bukan sahaja mampu menguruskan dengan baik perbendaharaan negara, malah sekaligus mampu memperkayakan perbendaharaan kata dan istilah bahasa warisan bangsa kita apabila beliau memperkenalkan 22 istilah baharu di samping peribahasa-peribahasa yang menarik dan berkesan. Saya kira istilah-

istilah dan peribahasa-peribahasa ini akan digunakan secara meluas oleh masyarakat umum dan media-media cetak selepas ini.

Tuan Yang di-Pertua, bukti kemantapan dan kekukuhan ekonomi negara bukan sahaja terpapar dalam pertumbuhan ekonomi secara konsisten selama lapan tahun berturut-turut dan dijangka prestasi ini akan terus meningkat di tahun-tahun akan datang, malah terbukti apabila kali ini kerajaan tidak perlu lagi meminjam untuk membiayai pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, daripada lebih RM55 bilion yang diperuntukkan untuk belanjawan 1996, lebih daripada RM41 bilion adalah untuk belanja mengurus dan hanya lebih kurang RM14 bilion sahaja untuk perbelanjaan pembangunan. Perbelanjaan untuk mengurus ini mencatatkan pertambahan sebanyak lebih kurang RM7 bilion berbanding dengan peruntukan mengurus bagi tahun 1995. Dan daripada RM41 bilion yang diperuntukkan bagi perbelanjaan mengurus tahun 1996 ini, lebih kurang RM14 bilion adalah untuk membiayai emolumen kakitangan kerajaan termasuk yang disediakan untuk pelarasan gaji tahun ini. Angka ini menunjukkan bayaran emolumen untuk kakitangan kerajaan adalah lebih kurang sama dengan peruntukan pembangunan keseluruhannya. Ini menunjukkan bahawa kerajaan tidak pernah alpa terhadap tanggungjawab dan komitmennya kepada pegawai-pegawai dan kakitangannya dan terus memikul tanggungjawab bagi memastikan kualiti hidup rakyat terus terjamin dan ditingkatkan dan rakyat terus mendapat khidmat yang terbaik daripada jentera pengurusan kerajaan.

Oleh itu, kita amat berharap perbelanjaan mengurus yang besar ini akan mendapat pulangan yang setimpal dalam bentuk meningkatnya kualiti perkhidmatan kakitangan di sektor pengurusan dan seterusnya meningkatkan produktiviti mereka untuk dimanfaatkan oleh rakyat dan negara. Tuntutan pelarasan gaji oleh Cuepacs misalannya, mestilah selaras dengan harapan dan expectation rakyat. Iaitu kenaikan gaji mestilah diikuti dengan peningkatan kualiti kerja ahli-ahlinya.

Begitu juga sikap murah hati kerajaan terhadap seramai 525,000 atau 37% daripada keseluruhan pembayar cukai yang tidak lagi dikenakan cukai pendapatan bermula daripada tahun hadapan. Ini adalah satu keputusan yang cukup melegakan dan wajar disambut dengan penuh kesyukuran kepada Allah dan berterima kasih kepada kerajaan dan rakyat dengan melipat gandakan mutu perkhidmatan dan meningkatkan produktiviti mereka supaya limpahan mutu kerja yang baik itu dapat dirasakan oleh rakyat dan negara seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin memberikan pandangan supaya satu mekanisme atau kaedah yang khusus diwujudkan oleh kerajaan bagi menilai peningkatan produktiviti, prestasi dan kualiti keseluruhan jentera perkhidmatan pengurusan kerajaan secara umum. Sama ada kenaikan gaji yang dibuat dari semasa ke semasa benar-benar selari dan seiring dengan peningkatan kualiti kerja dan produktiviti mereka seperti yang diharap-harapkan.

Jikalau SSB menilai prestasi individu kakitangan kerajaan, maka satu mekanisme yang khusus perlu diwujudkan untuk menilai prestasi sektor pengurusan ini secara keseluruhannya sama ada dari masa ke semasa ada peningkatan, statik ataupun merosot. Di samping itu juga mekanisme dan jawatankuasa ini boleh menjadi tempat rakyat mengadu dan menyuarakan rintihan mereka secara langsung terhadap mana-mana jabatan yang ghaflah, ataupun cuai (meminjam kata-kata Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan) dan halai-balai atau sambil lewa. Berdasarkan kepada asas ini juga,

maka penilaian terhadap produktiviti dan prestasi pengurusan kita dapat dilakukan sekurang-kurangnya secara rambang oleh mekanisma ini.

Tuan Yang di-Pertua, disamping itu, dan seiring dengan itu juga, kita amat bersetuju kerana tidak akan mengurangkan hari-hari kerja yang sedia ada kerana dalam era wawasan 2020 ini dan ke arah matlamat mengangkat martabat bangsa dan negara, adalah tidak wajar kita memperlihatkan kepada rakyat khususnya dan dunia amnya bahawa kita cenderung ke arah keinginan mempunyai lebih hari untuk berehat ataupun untuk relaks.

Keadaan ini tidak akan membantu memantapkan semangat keazaman dan iltizam rakyat terhadap matlamat wawasan kerana sesungguhnya rakyat telah bersedia untuk memikul tugas dan kerja-kerja yang lebih berat dan mencabar demi untuk menjayakan wawasan besar ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga bersyukur kerana prestasi petunjuk sosio-ekonomi negara kita begitu terserlah jika dibandingkan dengan pencapaian semasa rancangan Malaysia yang Keenam dilancarkan pada tahun 1990 dahulu. Kadar per kapita rakyat meningkat daripada RM6,216 kepada RM10,068, kadar kemiskinan jatuh daripada 4% kepada 2.2%, jangka hayat bagi lelaki dan perempuan juga bertambah baik. Jumlah pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Tempatan juga meningkat daripada 102,588 kepada 130,705. Tetapi ada sejenis institusi di mana peningkatan jumlah para graduannya tidak menjadikan kebanggaan kepada kita malah menjadikan kita bertambah masghul ataupun sedih. Institusi yang saya maksudkan itu ialah pusat-pusat serenti di seluruh negara.

Kerajaan terpaksa membelanjakan wang yang cukup besar iaitu 33 juta untuk menampung keperluan penagih-penagih yang semakin bertambah. Misalannya Pusat Serenti di Sengkang, Muar. Keupayaan Pusat Serenti tersebut ialah untuk menampung setakat 550 orang penghuni tetapi sekarang ini penghuninya telah meningkat kepada lebih 1300 orang. Dalam satu lawatan saya ke Pusat Serenti ini, kerana ianya berada di dalam kawasan Parlimen saya. Saya menyaksikan semua aktiviti dilakukan secara bergilir-gilir. Makan tunggu giliran, sembahyang pun bergilir-gilir, cuma masa tidur sahaja yang masih belum digilir-gilirkan. Oleh itu, saya amat berharap moga-moga Pusat Serenti Muar ini juga dimasukkan ke dalam senarai pusat-pusat serenti yang akan diperbesarkan di samping di Rawang dan di Tampoi seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan semalam.

Tuan Yang di-Pertua, meningkatnya jumlah penagih ini adalah satu fenomena yang merunsingkan dan perlu ditangani dengan serius dan bersepadu. PEMADAM misalannya perlu dicergaskan dan disuntik dengan satu semangat dan kekuatan baru supaya benar-benar dapat memainkan peranannya dengan cara yang lebih berkesan dan komited. Pihak-pihak yang mempunyai hubungan yang rapat dengan orang ramai khususnya para belia khususnya seperti Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung ataupun JKKK, RELA, Rukun Tetangga, PEMADAM, persatuan-persatuan belia, pergerakan pemuda parti-parti politik dan lain-lain perlu digemblengkan supaya satu pendekatan yang lebih bersepadu dan berkesan dapat dilakukan. Sesungguhnya masalah penyalahgunaan dadah ini bukan sesuatu yang remeh tetapi adalah sesuatu yang cukup serius dan amat merugikan negara.

Tuan Yang di-Pertua, langkah kerajaan mengawal inflasi hingga ke tahap sifar adalah amat dihargai. Sikap boros berbelanja adalah sebenarnya merupakan satu amalan yang dikutuk oleh Islam seperti maksud hadis Rasulullah 'Membazir itu adalah satu amalan syaitan'. Langkah untuk menggalakkan rakyat

menabung adalah satu yang amat positif seperti menaikkan kadar caruman pekerja ke KWSP kepada 11%, pengecualian cukai pendapatan keatas faedah yang diterima individu dengan institusi-institusi kewangan bagi akaun simpanan berjumlah sehingga RM100,000, akaun deposit tetap yang kurang daripada 12 bulan dan berjumlah hingga RM100,000 dan semua deposit tetap untuk tempoh 12 bulan atau lebih dan juga mengurangkan cukai pendapatan individu dan koperasi adalah cukup bijaksana dan mampu menggalakkan rakyat untuk menambahkan tabungan mereka.

Tindakan kerajaan menaikkan kadar caruman ke KWSP kepada 11% tidak seharusnya dilihat sebagai menyusahkan tetapi lebih merupakan cara menabung yang bijak untuk masa depan kakitangan kerajaan dan keluarga mereka sesuai dengan kata-kata bistari 'berakit-rakit ke hulu berenang ke tepian, berdikit-dikit dahulu bersenang-senang kemudian'.

Tuan Yang di-Pertua, namun demikian, tidak kurang pentingnya ialah dalam kontek kita memerangi inflasi ini kita amat mengharapkan kesungguhan pihak kerajaan menangani isu kenaikan harga barang-barang dengan sewenang-wenangnya oleh peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab. Keadaan ini amat dirasakan oleh rakyat yang berpendapatan rendah. Satu kesungguhan dan ketegasan kerajaan amat diharapkan oleh rakyat. Kita sering dimaklumkan bahawa pihak kementerian tidak mempunyai pegawai penguatkuasa yang cukup untuk melakukan pemeriksaan secara rambang di premis-premis perniagaan dan perdagangan di seluruh negara.

Oleh itu, saya ingin bertanya sama ada pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ada mencadangkan peruntukan tambahan dalam anggaran Belanjawan tahun 1996 ini untuk mengambil pegawai-pegawai penguatkuasa yang baru untuk melaksanakan tugas ini. Yang kedua, adakah pihak kementerian tidak bercadang untuk menubuhkan pusat-pusat pengaduan kekal di setiap daerah supaya kenaikan harga barang yang dilakukan sesuka hati ini dapat dilaporkan oleh pengguna secara direct dan segera dan penyiasatan juga boleh dilakukan secara direct dan segera?. Saya merasakan langkah seperti ini lebih berkesan untuk mengawal kenaikan harga barang-barang oleh peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab daripada tindakan memeriksa secara mengejut dan cara 'at random', dengan izin, yang dibuat oleh penguatkuasa dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang pemuliharaan alam sekitar, satu peruntukan sebanyak RM47.7 telah disediakan. Ini sebagai satu bukti yang jelas bahawa kerajaan kita amat insaf tentang perlunya alam sekitar dipelihara sebaik mungkin. Beberapa tragedi yang berlaku akibat kecuaian manusia adalah merupakan amaran-amaran awal bahawa jika sesuatu tidak dilakukan, maka pembangunan yang tidak mengambilkira pemuliharaan alam sekitar akan berakhir dengan kemusnahan manusia itu sendiri.

Sebagai sebuah negara yang sedang mengalami pertumbuhan ekonomi yang pesat termasuk kemajuan dalam sektor industri dan perkilangan, maka sekarang ini kita melihat banyak sekali kilang-kilang haram didirikan seperti cendawan tumbuh di musim hujan.

Kita tidak pasti sama ada ianya kilang-kilang halal ataupun kilang-kilang haram. Pertumbuhan kilang-kilang haram adalah satu fenomena yang berlaku di mana-mana di samping menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi negara ianya juga menyumbang ke arah pencemaran alam sekitar yang serius.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada cadangan untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, kita juga mengharapkan kerjasama yang erat

daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB) ataupun juga Jabatan Bekalan Air ataupun syarikat air negeri-negeri kerana kilang-kilang haram yang sebegini banyak bilangannya tidak akan boleh memulakan operasi jika TNB tidak membekalkan elektrik kepada mereka. Kilang-kilang haram ini juga tidak mungkin boleh beroperasi jika bekalan air tidak disambung ke premis-premis kilang mereka. Janganlah semata-mata kerana ingin mendapatkan keuntungan yang besar, kita bertindak seolah-olah menggalakkan pertumbuhan kilang-kilang haram ini sehingga menjejas dengan teruknya kualiti alam sekitar kita. Kita mahu supaya kedua-dua badan korporat ini turut berganding bahu dengan kerajaan dalam komitmen dan usaha memelihara alam sekitar supaya pertumbuhan kilang-kilang haram ini dapat dibendung.

Tuan Yang di-Pertua, sesuai dengan tuntutan masyarakat madani, kita juga ingin mengucapkan terima kasih kepada saudara James Ritchie, wartawan akhbar *The New Straits Times* yang menulis buku bertajuk Bruno Manser - The Insight Story yang mempertahankan dasar dan iltizam kerajaan kita dalam konteks pemuliharaan alam sekitar dan pendedahan yang dibuat oleh beliau menolak dakwaan setengah-setengah mereka yang menggelarkan diri mereka sebagai pencinta alam sekitar tentang niat buruk mereka untuk memburuk-burukkan imej negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang usaha mengangkat martabat masyarakat desa dan golongan miskin. Komitmen kerajaan terhadap usaha ini sememangnya sungguh cukup hebat. Saya rasa tidak ada kerajaan di lain-lain negara yang begitu prihatin terhadap nasib golongan ini.

Walau bagaimanapun, di akhir-akhir ini kita melihat satu petanda yang cukup positif berlaku di kalangan penduduk-penduduk luar bandar. Mereka gigih mengusahakan projek-projek atau industri secara kecil-kecilan di kampung-kampung yang melibatkan kos di sekitar RM4,000 atau RM5,000. Mereka ada kesungguhan dan kemahiran dalam bidang-bidang tertentu. Tetapi selalunya mereka berhadapan dengan kesulitan untuk mendapatkan modal. Ada sesetengahnya cuba meminjam daripada MARA tetapi MARA berpendapat projek tidak berdaya maju dan permohonan mereka ditolak. Mereka juga cuba mendapat pinjaman peribadi di bank-bank. Syarat-syarat yang dikenakan oleh bank lebih memeningkan kepala daripada menyelesaikan masalah mereka. Oleh itu, saya merasakan Kementerian Pembangunan Luar Bandar seharusnya mengesan dan mendaftarkan pengusaha-pengusaha kecil ini melalui Wakil-wakil Rakyat atau Jabatan-jabatan KEMAS negeri/daerah supaya dapat bantuan diberikan kepada mereka secara terancang dan teratur. Satu skim pinjaman yang mudah dan tidak menyulitkan perlu disediakan untuk mereka.

Untuk itu, saya ingin menarik perhatian kepada satu program pinjaman mudah yang telah dilancarkan oleh kerajaan negeri Johor kira-kira 2 tahun yang lalu yang diberi nama Skim Pinjaman Ehsan di mana pinjaman-pinjaman dengan syarat-syarat yang cukup mudah dan longgar diberikan kepada pengusaha-pengusaha ini dan dengan cara ini, kita harap mudah-mudahan mereka dapat berkembang dan menjadi pengusaha-pengusaha yang berdikari dan sekali gus mengangkat sosio ekonomi penduduk-penduduk luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar sama ada pertambahan peruntukan pengurusan kementerian ini melibatkan cadangan kenaikan gaji kakitangan KEMAS seperti yang pernah dicadangkan oleh kementerian ini kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam awal tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan syabas dan tahniah di atas

pembentangan Belanjawan yang cukup baik, positif dan dinamik dan kerana itu saya bersama-sama rakan yang lain, yang akan berucap selepas ini menyokong.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Marang.

5.45 ptg.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang): Assalamualaikum warahmatullahi wabaratuh. Tuan Yang di-Pertua, negara kita telah mencapai dan berjaya memenuhi pada prinsipnya syarat-syarat untuk diiktiraf sebagai sebuah negara berdaulat dalam arena antarabangsa kerana kita memenuhi ciri-ciri keperluan sesebuah negara, menurut kaedah ilmu politik dan kenegaraan, di mana kita mempunyai tanah air kurniaan tuhan, mempunyai rakyat bermasyarakat majmuk, pemimpin, perlembagaan, undang-undang dan kedaulatan yang diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa.

Soalnya apakah kita dapat melaksanakan satu slogan baru yang dikemukakan iaitu masyarakat madani. Setelah kita diperkenalkan dengan Kepimpinan Melalui Teladan, Bersih, Cekap dan Amanah, Wawasan 2020 dan sekarang dikemukakan Masyarakat Madani. Apakah ia masyarakat madani? Kita perlu memahami bahawa perkataan "madani" adalah jolokan, sanjungan kepada satu masyarakat yang telah dibina oleh Nabi Muhamad S.A.W. dalam negara yang dinamakan Madinah Munawarah. Maka daripada perkataan Madinah Munawarah inilah diambil perkataan madani, sebuah negara yang telah berjaya membentuk satu masyarakat majmuk yang terdiri dari kalangan berbagai-bagai kaum, kabilah, bangsa, yang menganut berbagai-bagai agama, yang dahulunya berperang di antara satu sama lain. Masyarakat yang terdiri dari kalangan orang-orang Arab yang menganut Islam, yang dinamakan Muhajirin dan Ansar, yang datang dari Mekah, yang berhijrah dan orang-orang Madinah yang memberi pertolongan kepada saudara-saudara mereka yang berhijrah dan orang-orang Arab yang belum menganut Islam, yang diterima menjadi rakyat dalam negara itu dan orang-orang Yahudi dari berbagai-bagai kabilah, yang juga berperang di antara satu sama lain, yang terdiri dari kalangan Bani Nadir, Bani Qainuqa', Bani Khuraizah, perkampungan Haidhar, Qaab bin Ashraf dan lain-lain.

Masyarakat majmuk ini telah berjaya disatukan dalam sebuah negara yang dinamakan negara Madinah dan masyarakatnya dinamakan masyarakat madani. Ianya dapat dibentuk dengan sedemikian rupa hasil daripada kedaulatan dan keadilan undang-undang secara mutlak, yang tidak mengira kaum dan bangsa, yang tidak mengira anutan agama, asalkan tiap-tiap orang di kalangan mereka bersedia untuk menjadi rakyat di dalam negara tersebut. Ianya dikendalikan oleh pemimpin yang sangat berwibawa iaitulah Nabi Muhamad S.A.W., yang dikurniakan kekayaan dan kemewahan hasil daripada kejayaan negara tersebut, walaupun negaranya kaya, tetapi pemimpinnya fakir dan miskin. Sehingga dia dihormati oleh rakyat, pengorbanannya yang ikhlas menyebabkan seluruh rakyat yang berbilang kaum dan agama menghormati.

Apakah perkataan 'Madani' ini dapat diterapkan dengan sifat-sifat yang ada dan ciri-ciri yang sangat diragukan, yang masih ada pada hari ini? Kita perlu mencapai tahap negara yang bermaruah tinggi dan berwibawa dalam mencapai tahap negara yang bermaruah dan berwibawa tinggi. Kita mestilah mempunyai nilai ketinggian mertabat dengan pengisian yang betul, tepat dan adil kepada ciri-ciri kenegaraan tersebut. Harganya tidak harus dinilai dengan ukuran lahiriah semata-mata kerana semua negara bertamadun yang mencapai tahap kuasa besar atau negara besar (super

power) yang dinilai dengan ukuran materialistik semata-mata seperti Rome, Parsi, Cina, India, di rantau ini pula seperti Seri Vijaya, Majapahit dan Melaka. Di zaman moden ini pula Jerman dan Jepun sebelum Perang Dunia ke 2, semuanya telah ditelan sejarah dan menamatkan riwayatnya kerana bergantung kepada nilai 'madiah', materialistik semata-mata tanpa menghiraukan aspek yang lain seperti agama, akhlak dan sifat-sifat keadilan kerana dipandang dan dikira tidak penting kepada negara dari segi produktiviti dan progresifnya.

Perkataan 'berkat' pertolongan Allah S.W.T dan restunya tidak ada di dalam kamus kenegaraan hari ini. Sepatutnya kita mengambil iktibar dari sejarah, bukan sahaja kemajuan sesebuah negara, tetapi juga punca kehancurannya. Manusia seringkali lupa dan lalai termasuklah juga di zaman kita ini, di mana perginya tamadun Firaun yang berjaya mendirikan piramid, bangunan besar yang disusun dari batu-batu pejal yang besar? Kaum "Ad" yang dapat mendirikan menara tinggi dari batu pejal dan 'Thamud' yang berjaya menggergaji bukit-bukau untuk dijadikan bangunan bukan sekadar menggergaji balak.

Negeri Saba yang disebut di dalam Al-Quranulkarim dalam satu Surah yang dikenal dengan Surah Saba yang disebut oleh Tuhan dalam ayat yang dibaca oleh Menteri Kewangan, 'Baldatun Taiyibatun Warobbun Ghafur'-negeri aman mendapat keampunan Tuhan, iaitulah negeri Saba, yang pada awalnya dibangun dengan kejayaan, kecemerlangan, keadilan dan kebaikan. Negeri itu telah ditenggelamkan oleh keruntuhan ampangan Sadama'rif yang terkenal. Negeri yang ditenggelamkan oleh ampangan apabila ampangannya tidak terurus.

Kita melihat keangkuhan Jepun, Jerman sebelum Perang Dunia Kedua dan British selepasnya. Soviet Union yang baru sahaja hancur berkecai dan seterusnya Amerika dan sekutu-sekutu Baratnya mengalami tanda-tanda kemelesetan. Sepatutnya kita mengambil iktibar dari ini semua, maka perkataan 'masyarakat Madani' sangat baik dihidupkan, diamalkan dan direalisasikan secara praktikal di dalam amalan dan perbuatan dengan sifat-sifat yang murni.

Kita perlu merasa betapa besarnya pengajaran dari negara yang telah berjaya membentuk masyarakat Madani yang telah bertahan 1,300 tahun lebih, yang mengandungi masyarakat majmuk, yang berkembang dengan luas. Bagaimana masyarakat majmuk dapat hidup dengan baik dan kita melihat sendiri bagaimana kesan daripada ajaran masyarakat Madani mempengaruhi umat Islam sehingga hari ini? Di atas sifat inilah, maka orang-orang yang bukan Islam boleh hidup di tengah-tengah masyarakat Islam yang ramai di mana-mana sahaja. Sangat berbeza dengan orang Islam yang menjadi golongan minoriti di negara-negara yang bukan Islam seperti yang berlaku di Bosnia-Herzegovina, seperti yang berlaku di Zingqiang dalam negeri Cina, seperti yang berlaku di India yang membawa kepada meruntuhkan masjid Babree, seperti yang berlaku di beberapa tempat yang lain. Inilah perbezaan di antara masyarakat Madani, yang perlu menjadi pengajaran kepada kita dengan masyarakat yang lain daripadanya, yang perlu menjadi tauladan dan sempadan kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, maka pada kesempatan ini, sukalah saya mengingatkan kerajaan beberapa perkara yang perlu diberi perhatian kerana faedah dan akibatnya untuk kita bersama. Kita dikurniakan tanah air yang sangat menarik dalam semua aspek, kerana kedudukannya dalam peta dunia sangat menarik untuk keperluan politik dan ekonomi. Di samping mempunyai alam semula jadi yang sangat indah dan kaya, pernah di masa lalu menjadi rebutan penjajah Barat untuk mereka merampas faedahnya bagi kepentingan mereka dengan berbagai cara,

bermula daripada menggunakan tenaga rakyatnya untuk kepentingan ekonomi mereka sehinggalah mengorbankannya untuk mempertahankan kepentingan mereka seperti yang berlaku dalam Perang Dunia yang lalu. Seterusnya mereka mengangkut segala hasil bumi yang boleh dipunggah untuk mengkayakan Eropah yang 'bangsat' dari segi hasil buminya, tetapi mereka berjaya mencetuskan revolusi industri yang terkenal itu, dengan bergantung dan bertongkat daripada hasil yang dipunggah dari rantau ini dan tenaga manusianya sehingga mereka boleh melakukan apa sahaja terhadap kita.

Marilah kita membuat kajian semula kepada tindakan-tindakan yang telah diambil selepas negara mencapai kemerdekaan dalam tempoh yang telah dikira lama juga.

Kita perlu membuat perhitungan sejarah, perhitungan sejauh manakah kita telah dapat memutuskan belenggu penjajahan secara menyeluruh, bukan sekadar melihat bendera Union Jack sudah tidak dipacak dan dikibarkan di bumi kita. Tetapi yang lebih dari itu ialah pengaruh politik, ekonomi dan sosio-budaya kita yang telah kehilangan dan diganti dengan pengaruh mereka yang tetap menjadi halangan untuk kita mengembalikan maruah dan ketinggian martabat dalam semua aspek.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu menyedari bahawa penjajah tidaklah memberi kemerdekaan percuma tanpa negara kita tidak dijadikan salah satu mata rantai dalam rangkaian membina kekuatan mereka. Politik yang berasaskan sekularisme Barat tetap menjadi senjata unggul untuk merapuhkan kedudukan negara kita. Apabila ia melahirkan gejala yang tidak mengenal dosa dan pahala dalam politik, berleluasanya ketidakjujuran dalam politik negara dengan berlakunya penyakit seperti politik wang, rasuah politik, penyalahgunaan kuasa, campur tangan politik dalam pentadbiran negara, pengaruh politik terhadap sistem kehakiman, orang politik bernyawakan golongan korporat, kesemuanya adalah gejala-gejala yang sangat merbahaya sedang berlaku dan menjadi penyakit yang tumbuh daripada benih yang sengaja ditanam melalui serangan pemikiran supaya kita tidak menjadi negara yang mampu berdiri sendiri kerana tidak bermasalah. Mereka sengaja meninggalkan negara ini supaya kita mempunyai masalah dan tenggelam dalam masalah.

Para orientalis Barat yang mengkaji ajaran Islam memahami benar-benar bahawa Islam menjadi punca ketamadunan, yang unggul kepada umat Islam di sebelah Timur ini, yang diasaskan di atas prinsip membebaskan manusia daripada pengabdian diri kepada sesama makhluk, kepada mengabdikan diri kepada Allah S.W.T. sahaja. Dan keluar dari dunia yang sempit kepada dunia sehingga akhirat yang terlalu luas, telah mewujudkan suatu kemerdekaan yang sebenar, yang mampu mencipta keadilan mutlak dan berjaya menghapuskan segala bentuk kezaliman dan penyelewengan dalam semua aspek kehidupan manusia. Dan berjaya menggunakan tamadun kebendaan yang dihasilkan oleh masyarakat Timur sebelumnya di Parsi, India, Cina, Mesir dengan memajukan lagi ilmu kebendaan itu yang dikaitkan dengan aspek spiritual supaya tidak disalahgunakan. Maka lahirlah tamadun Islam, masyarakat Madani di Madinah dan bertukar pusatnya di Baghdad, Andalusia dan lain-lain, di mana Barat juga mengambil manfaat daripadanya dengan mengambil aspek tamadun yang berasaskan materialistik sahaja tanpa Islamnya. Maka mereka tidak mampu. Tamadun yang diambil dari segi materialistiknya tidak mampu dipadankan dengan agama Kristian yang dianut oleh Barat sehingga berlakunya pertembungan di antara gereja dan sains di satu pihak dan di antara gereja dan kuasa pemerintahan di satu pihak yang lain.

Maka lahir daripadanya faham sekularisme yang berasaskan maddiyah, materialisme, seterusnya lahir daripadanya pula teori-teori dan ideologi-ideologi yang berhubung dengan politik, ekonomi dan lain-lain dalam kehidupan manusia Barat.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu menyedari bahawa negara-negara Barat yang kuat berpegang dengan tradisi demokrasi, sebenarnya tidak adil ketika mengadakan interaksi politik, ekonomi dan ilmu dengan dunia bukan Barat supaya kita terus bergantung dengan mereka. Di antara contoh yang jelas ialah sikap hipokrasi yang berterang-terangan apabila mereka tidak merestui kemenangan FIS di Algeria dengan tindakan membantu regim tentera di sana bagi menggalakkan ketegangan yang mencetuskan keganasan. Kita tidak mahu sikap ini terbawa-bawa oleh Kerajaan Barisan Nasional secara alanya sendiri apabila Angkatan Perpaduan Ummah mencapai kemenangan di Kelantan. Apakah salahnya kalau diberi peluang kepada Kerajaan Negeri Kelantan untuk melaksanakan manifestonya yang boleh diukur oleh rakyat secara bebas setiap kali pilihanraya? Tetapi terlalu banyak karenah-karenah yang dilakukan oleh Kerajaan Pusat, seperti menubuhkan Jabatan Persekutuan, melambat-lambatkan peruntukan, walaupun yang ditetapkan oleh Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, pengalaman dari percubaan melaksanakan ideologi sebenarnya sudah cukup membawa padah yang mengajar supaya kita kembali ke pangkal jalan. Sudah banyak tanda-tanda kemusnahan tanah air dari segi lahiriahnya. Di antaranya ialah projek-projek mewah yang telah merugikan bumi dan menjejaskan kepentingan rakyat, di mana terdapat negeri-negeri yang begitu rakus membina kondominium-kondominium dan beberapa projek-projek mewah untuk kepentingan asing, sama ada pelancong atau pelabur, sedangkan kawasan-kawasan setinggan masih tidak diatasi. Bahkan ada yang menjadi mangsa meroboh rumah secara kejam dan pemusnahan tanaman rakyat secara tidak berperikemanusiaan kerana mengutamakan pelancong dan pelabur asing yang difikirkan boleh mendapat untung besar dan tiada apa-apa keuntungan daripada penghuni setinggan dan rakyat yang dikatakan meneroka tanah haram.

Terdapat juga kerakusan memusnahkan alam semula jadi yang memelihara persekitaran, seperti penarahan bukit-bukau yang terkawal, penimbusan kawasan rendah yang tidak diurus dengan baik, telah menyebabkan berlakunya tanah runtuh dan banjir kilat yang sangat menyusahkan. Di antaranya juga mendirikan bangunan pencakar langit supaya menunjukkan gaya setanding dengan negara besar dengan menelan belanja yang besar, seolah-olah kawasan tanah tidak mencukupi walaupun pihak kerajaan memandang perkara-perkara ini perlu dibesarkan kerana mengambil kira faedahnya lebih besar, tetapi apa yang berlaku menunjukkan hasil daripada perlumbaan faham maddiyah, faham kebendaan yang sedang menyengkang negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun tanah air kita bersama dengan negara-negara sahabat yang berjiran atau sedang membangun dikurniakan bahan-bahan mentah yang menjadi sumber pertanian, industri, keindahan semula jadi, tetapi boleh diangkut manfaatnya atau dikawal pengeluaran dan pengedarnya oleh negara-negara besar yang melakukan penjajahan bentuk baru melalui penguasaan isi dan lain-lain ke atas sumber semula jadi. Sistem pendidikan yang diamalkan sehingga kini tidak berjaya membangun manusia yang diredhai oleh Allah dan sangat jauh untuk menjadi pendukung kepada cita-cita Baldatun Toiyibatun Wa-Robbun Ghafur, yang bererti: "negara yang diredhai serta mendapat kemampuan".

Masalah moral masih tidak dapat diatasi dengan sempurna. Terlalu banyak tanda-

tandanya, seperti keruntuhan akhlak yang berleluasa di semua peringkat. Lahirnya gulungan bohsia, bohjan, penagih dadah dan terjerumus ke dalam maksiat yang berleluasa di semua peringkat yang tidak boleh disorok-sorok. Kita hendaklah mengakui bahawa penjajah pendidikan masih wujud dan kita masih tidak merdeka dalam sistem pendidikan. Sistem pendidikan sekularisme maddiyah yang ditanam oleh penjajah masih berakar-umbi walaupun menteri-menterinya silih berganti, sama ada dalam bidang sains dan teknologi yang sangat dipuja hari ini atau aspek budaya tanah air dan bangsa termasuklah juga dalam bidang agama, kerana penjajah tidak akan mengizinkan secara mudah untuk melakukan 'transfer of technology' sama ada secara melahirkan pakar-pakar yang tidak berkhidmat di dalam negara sendiri. Mereka melahirkan orang-orang yang handal dalam bidang-bidang yang tertentu melalui universiti-universiti Barat, melahirkan pakar-pakar yang tidak berkhidmat di dalam negara sendiri, tetapi berkhidmat di negara Barat kerana mahukan gaji yang lumayan, dipengaruhi oleh faham kebendaan. Atau tidak ada tempat untuk menyumbangkan kepakarannya dalam negeri kerana semangat imperialisme yang masih diamalkan oleh dunia tidak mengizinkan negara lain maju seperti negara-negara besar yang mahu mengawal dunia untuk kepentingan mereka.

Kepungan yang dilakukan ke atas Iraq, tekanan ke atas Pakistan, beberapa rampasan kuasa di Turkey menjadi bukti bahawa pemindahan teknologi yang boleh memajukan negara sedang membangun tidak diizinkan, walaupun penekanan ditumpukan kepada aspek teknologi persenjataan sebagai satu isu, tetapi ia adalah salah satu contoh sahaja. Maka begitulah tekanan yang dilakukan dalam aspek-aspek yang lain, di mana negara-negara besar bakhil untuk memindahkan teknologi mereka kepada negara-negara yang sedang membangun.

Dalam bidang ilmu yang berkait dengan budaya dan kepentingan tempatan menurut kaum dan kebudayaannya juga mahu dijajah. Penekanan diberi kepada aspek menghidupkan budaya jahiliah dan politik, ekonomi dan kemasyarakatan. Menggalakkan pengajian ideologi yang diilhamkan oleh penjajah yang berteraskan maddiyah dengan mengenepikan aspek-aspek rohani, seperti tidak menekankan persoalan tanggungjawab selepas mati dan penghitungan dosa pahala di akhirat. Sistem yang ada melahirkan pelajar yang berilmu sahaja tanpa akhlak yang mulia, menghidupkan sejarah menanamkan semangat asabiah perkauman.

Begitu juga, dalam pengajian bahasa tanpa meningkatkan bahasa utama, bahasa kebangsaan ke taraf yang tinggi sehingga menjadi bahasa ilmu. Dasar pengkorporatan universiti akan membabitkan kedudukan Bahasa Melayu. Kenyataan pemimpin negara ini kadang-kadang memberi isyarat kepada kita betapa tergugatnya Bahasa Kebangsaan di masa depan. Slogan 'Bahasa Jiwa Bangsa' yang dahulunya diperjuangkan, kini sudah tidak bermaya lagi. Kerajaan nampaknya sudah tidak yakin dengan keupayaan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar ilmu, terutama di bidang sains dan teknologi. Usaha yang dicurahkan oleh golongan cendekiawan dalam mengangkat martabat Bahasa Kebangsaan akan pupus begitu sahaja.

Kerajaan, satu masa dahulu agak tegas dengan isu bahasa, kini telah mengubah sikap kepada dasar yang begitu liberal, mereka lebih yakin kepada bahasa Inggeris dari Bahasa Melayu dalam segenap bidang aktiviti negara, kita masih ingat bagaimana pejuang-pejuang bahasa memperjuangkan isu Bahasa Melayu dalam tahun 60-an dan 70-an sehingga mereka mengadakan perhimpunan besar untuk menyelamatkan Bahasa Melayu yang diabaikan oleh kerajaan pada masa itu.

Pejuang-pejuang bahasa ini telah mengusung keranda 152 sebagai simbolik rasa kecewa mereka dengan sikap kerajaan pada masa itu. Kita merasa bimbang dengan perkembangan yang berlaku ini, kebimbangan ini bukan atas emosi melulu, tetapi kita melihat Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar ilmu yang mampu dikuasai oleh majoriti rakyat, kita bimbang dasar bahasa ini akan memberi kesan buruk kepada anak-anak kita di luar bandar yang tidak berupaya menguasai bahasa Inggeris kerana ketiadaan pembelajaran dan persekitaran yang tidak membantu mereka.

Kita tidak dapat menerima rasional yang pernah diberi bahawa untuk menjadikan Malaysia, negara maju hendaklah menguasai bahasa Inggeris, rasional yang tidak rasional ini, boleh dijawab dengan contoh yang berlaku di Jepun dan Filipina. Di Jepun, mereka menggunakan bahasa Jepun, mereka telah maju dan berjaya membolehkan Jepun menjadi negara maju setelah kalah teruk dalam Perang Dunia Kedua, sebaliknya Filipina yang menggunakan bahasa Inggeris dengan meluas, tetapi terus mundur. Jelas di sini, bahawa faktor bahasa bukan penentu kepada kemajuan.

Saya tidaklah menafikan perlunya kita mempelajari bahasa-bahasa asing, menguasai bahasa Inggeris dan lain-lain tetapi di dalam kita menilai bahasa kita, kita hendaklah meletakkan ke suatu martabat dan maruahnya yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dalam aspek pengajian Islam, hanya untuk melahirkan ulama 'burung kakak tua' yang mampu melafazkan kalimah-kalimah dan kata-kata yang diajar oleh tuannya, tanpa dapat menterjemahkan Islam itu untuk menyelesaikan masalah-masalah semasa dan menghadapi cabaran di zaman serba moden dan canggih dengan kemampuan dan tanpa berganjak daripada nas-nas yang saheh.

Asas pendidikan yang tidak betul melahirkan ilmuan-ilmuan robot yang tidak berjiwa dengan moral yang mulia dan bertanggungjawab dan menjadi manusia yang tidak berani menegakkan yang hak untuk kepentingan negara dan umat yang berdepan dengan perkara-perkara baru yang mencabar kemurnian aqidah dan kewibawaan syariah dan akhlak yang mulia. Menganut Islam tetapi dalam masa yang sama bergelumang dengan teori-teori dan ideologi-ideologi yang asing dengannya, sikap kerajaan terhadap hukum Islam yang syumul menggambarkan krisis keyakinan daripada kemunduran ilmu tentang Islam.

Tuan Yang di-Petua, perkembangan mutakhir ke atas institusi-institusi pengajian tinggi, sangatlah membimbangkan. Dasar pengkorporatan ke atas institusi ini adalah padah baru yang sedang menimpa umat terutama golongan yang berpendapatan rendah, kos pengajian yang akan ditanggung oleh pelajar membabitkan mereka menanggung hutang yang berterusan.

Dasar pengkorporatan ini, jelas memberi peluang pendidikan tinggi yang lebih kepada golongan-golongan kelas menengah dan atasan. Jaminan kerajaan, bahawa anak-anak dari golongan berpendapatan rendah tidak akan terhalang dari meneruskan pengajian mereka, tidak meyakinkan kerana kita banyak pengalaman dengan janji yang pernah dibuat tetapi pelaksanaan yang tidak tepat kepada sasarannya yang sebenar, kita melihat bagaimana orang yang layak mendapat biasiswa, tidak mendapat biasiswa. Ada anak orang-orang yang berpengaruh yang mampu membiayai anaknya, mendapat biasiswa, kerana pengaruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, pengkorporatan pusat pengajian tinggi akan melahirkan diskriminasi pendidikan dalam dekad yang

akan datang, yang akan melahirkan kelas-kelas dalam masyarakat menurut kemampuan pendidikan di antara golongan atasan dengan golongan menengah dan bawahan yang dijuruskan ke pusat pengajian tinggi itu. Fenomena ini tidak akan membantu keharmonian dan perpaduan masyarakat dan negara.

Pengkorporatan ITP dipengaruhi oleh ekonomi semasa, kalau ekonomi menurun maka ia juga menurun. Kualiti penyelidikan akan mengikut pasaran, kalau pasarannya menurun maka kualiti penyelidikan juga menurun dan memberi galakan pula kepada pelajar-pelajar asing, di akhirnya akan menjadi masalah sosial, politik dan lain-lain seperti yang berlaku di Britain dan di Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa di dalam pengkorporatan pusat pengajian tinggi ini, kerajaan tidak berunding dengan kalangan-kalangan universiti secara menyeluruh. Hanya di kalangan pentadbiran sahaja, tidak berunding dengan pihak pensyarah, dengan pihak yang terlibat secara langsung di pusat pengajian tinggi yang mengetahui dan berpengalaman setiap aspek yang berkait dengannya. Mereka tidak dirundingkan dan tidak dibincang dengan mereka secara mendalam.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menarik perhatian dengan masalah pembangunan manusia. Pembangunan manusia juga terjejas oleh unsur-unsur negatif terhadap akhlak oleh media massa, cetak dan elektronik yang tidak memberi penekanan kepada akhlak mulia tetapi lebih mementingkan keperluan komersil termasuk yang menjadi milik kerajaan, apa yang dinamakan penapisan masih membolos perkara yang tidak senonoh dengan adab-adab setempat, bukan sahaja Islam tetapi juga ketimuran. Kita merasa bimbang dengan apa yang dinamakan 'usaha ke arah meningkatkan teknologi maklumat' sama ada melalui internet atau menghasilkan siaran, melalui satelit yang mungkin dilakukan, dibimbangkan sekiranya tidak ada penapisan dan pengawalan maka untungnya sekarung tetapi ruginya seguni oleh pembolosan penapisan dalam keadaan yang masih ada dengan kemampuan kawalan yang mudah dalam keadaan kemampuan yang terhad, penapisan yang terbolos. Begitu juga dengan cara menggalakkan hiburan-hiburan termasuk hiburan rakyat, kita mesti menerima hiburan yang tidak melalaikan walaupun asing dan kita mesti menolak segala yang memberi kesan negatif kepada akhlak dan budaya kita, walaupun yang berasal-usulkan rakyat negara ini.

Sendaan yang dilakukan kerana Kerajaan Negeri Kelantan mengharamkan permainan seperti makyong dan lain-lain, tidak boleh dipandang sepi, tetapi sepatutnya mestilah dikaji mengapa ia diharamkan. Adakah ia kerana bercanggah dengan aqidah Islam, dengan akhlak Islam atau kerana selera semata-mata? Kalau pengharaman itu kerana ianya bercanggah dengan ajaran Islam maka terlalu besar padahnya kepada orang yang mempersendakan itu.

Saya kira, mufti-mufti di seluruh negara dan termasuk orang-orang yang terkanan dalam IKIM, ISTAC dan ilmuan-ilmuan Islam di pusat-pusat pengajian tinggi dan di Pusat Islam mengetahui hal-hal yang seperti ini mahu memindahkan permainan rakyat seperti itu ke negeri lain, meringankan bebanan Negeri Kelantan. Memang meringankan bebanan Negeri Kelantan kalau mahu pindah permainan rakyat yang diharamkan di Kelantan ke negeri lain tetapi kami juga tidak mahu perkara-perkara negatifnya yang sangat banyak akan meracuni rakyat di negeri lain yang dikuasai oleh Barisan Nasional.

Saya suka mengingatkan Firman Allah S.W.T., yang bermaksud, "mereka merasa bangga dengan ilmu yang ada kepada mereka dan mereka dikepung oleh apa yang dahulunya mereka persenda-sendakan."

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan yang menggalakkan hiburan dengan pengecualian cukai dan sebagainya tanpa suatu penapisan yang tepat dengan ajaran Islam dan moral kemanusiaan, walau dari mana datangnya, walaupun dari negeri ini atau dari negeri Mekah sekalipun, tanpa mengira Nabi Muhammad atau Abu Jahal akan memikul bebanan tanggungjawabnya di dunia dan di akhirat.

Tuan Yang di-Pertua, gejala dadah yang masih tidak boleh diatasi, walaupun dengan hukuman yang terlalu keras seperti hukuman mati mandatori sehingga ini tidak dapat mengatasi masalahnya. Walaupun sudah 200 orang lebih yang dijatuhkan hukuman mati sejak undang-undang dikuatkuasakan dengan kerasnya, menandakan undang-undang itu gagal dan tidak tepat, sangat berbeza dengan Undang-undang Qisas, Hudud dan Takzir seperti yang diamalkan di dalam Islam, yang diamalkan dalam beberapa buah negara Islam di Arab Saudi, Iran dan Sudan. Arab Saudi yang paling lama, walaupun terdapat kelemahan-kelemahan di dalam masyarakatnya, tetapi kesan daripada perundangan itu dapat dilihat dengan penurunan kadar jenayah dan orang-orang yang dihukum dalam tempoh 20 tahun, tidak sampai 100 orang.

Kegagalan di sini terlalu nyata, Tuan Yang di-Pertua. Dalilnya pusat-pusat serenti terpaksa ditambah dan dibesarkan. Sepatutnya kerajaan mengkaji semula cara-cara yang telah diamalkan selama ini, termasuklah cara tindakan undang-undang supaya benar-benar diketahui secara jujur di mana kelemahannya. Cara-cara yang lain mestilah dicari dan undang-undang yang ada mestilah diganti dengan undang-undang yang lain. Satu perbincangan mestilah diadakan secara serius yang melibatkan semua pihak. Bukan penyelesaiannya dengan menambah lagi pusat serenti, menambah lagi bangunan untuk memulihkan mereka yang terlibat dengan dadah. Sekadar menambahkan bangunan, pusat serenti, tetapi tidak dicari suatu jalan yang lain. Kita pernah berbincang yang melibatkan semua pihak seperti isu nuklear yang melibatkan semua pihak dalam negara kita, dalam isu ekonomi – MAPEN yang melibatkan semua parti politik, apa salahnya kita berbincang melibatkan semua kalangan, kalangan parti politik, kalangan pertubuhan-pertubuhan yang bukan politik, pertubuhan agama supaya kita bincang dengan serius bagi menghadapi masalah dadah yang melanda negara kita.

Gejala jenayah dan maksiat masih tetap berleluasa sama ada oleh sebab dalaman masyarakat kita sendiri atau gejala pendatang asing, pelancong dan lain-lain mestilah dijadikan peringatan bahawa rakyat yang menjadi aset penting kepada negara masih terdapat perkara-perkara negatif yang merendahkan nilai dan mutunya. Program Rakan Muda yang dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan nampaknya memisahkan agama dan akhlak. Program agama dan akhlaknya ada, tetapi dipisahkan dengan urusan-urusan dan aktiviti-aktiviti yang lain atau dengan takbir yang lain, aktiviti agama dan akhlaknya ada tetapi ianya berasingan dengan aktiviti-aktiviti yang lain. Agama dan akhlak menjadi program tempelan dan ianya tidak menguasai segala aktiviti secara menyeluruh, nescaya tidak akan melahirkan belia-belia yang dibina insaniahnya, yang dibina kemanusiaannya dengan betul dan tidak melahirkan insan yang boleh melaksanakan tanggungjawab di masa yang akan datang kerana untuk pembangunan manusia kita tidak boleh membina dari segi lahiriahnya sahaja, kerana manusia mempunyai aspek-aspek naluri yang berbeza dengan makhluk yang lain.

Mereka mempunyai aspek rohani, mempunyai aspek jasmani, mempunyai aspek kemasyarakatan dan lain-lain, maka di dalam membentuk manusia mestilah dijadikan mata rantai yang berkait di antara satu sama lain melalui aspek-aspek tersebut. Manusia bukan sahaja perlu kepada makanan untuk mengisi perut, tetapi perlu makanan untuk mengisi roh dengan akhlak-akhlak yang mulia dalam menghadapi masalah dadah, dalam menghadapi masalah keruntuhan akhlak-tidak mungkin ianya diatasi dengan undang-undang sahaja. Tidak mungkin ianya diatasi dengan sukan sahaja, ianya tidak mungkin diatasi dengan aktiviti-aktiviti lahiriah sahaja. Ianya mestilah dilakukan dengan aktiviti-aktiviti yang lain seperti aktiviti akhlak, kerohanian dan ianya tidak mungkin dengan aktiviti-aktiviti akhlak dan kerohanian sahaja kerana manusia bukannya malaikat dan bukannya haiwan. Manusia adalah manusia dan untuk membina manusia, berbeza dengan membina bangunan, berbeza dengan mengawal haiwan dan berbeza dengan urusan malaikat.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita juga dilanda oleh masalah kepimpinan. Kepimpinan negara yang dilanda oleh politik wang akan menghasilkan perkara yang tidak bermoral dalam kepimpinan negara. Ianya boleh dilihat pada keputusan pilihanraya umum yang paling akhir dan lebih jauh lagi sebenarnya politik wang yang melanda UMNO telah beberapa kali melanda pilihan raya umum di negara ini. Politik wang yang pernah melanda bani Israel apabila mereka menolak perlantikan Jalut yang dipilih oleh Allah S.W.T. kerana ia tidak berharta walaupun berilmu, bijaksana dan gagah perkasa dan perangai bani Israel juga meletakkan hukum halal dan haram kepada orang lain, tidak kepada diri mereka, maka adakah politik wang ini diharamkan dalam pemilihan UMNO sahaja, tetapi tidak diharamkan dalam pilihanraya umum-apakah penyakit bani Israel yang dilaknat oleh Allah sedang melanda negara kita sehingga meresap ke dalam parti yang menjadi tulang belakang kepimpinan negara. Maka negara yang dilanda oleh penyakit tulang belakang ini perlu diubati dengan segera, Tuan Yang di-Pertua.

Dalam masalah Perlembagaan dan Undang-undang, kita juga masih dikepong oleh penjajahan perlembagaan dan undang-undang negara yang diilham daripada undang-undang Inggeris yang terlalu banyak tidak sesuai dengan masyarakat negara ini. Proses keadilannya tidak berjalan dengan lancar kerana kewibawaan sistem perundangan terlalu rendah. Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Akta Mesin Cetak, OSA, Kanun Tanah Negara dan lain-lain bercanggah dengan prinsip keadilan tulen. Ketidakmampuan undang-undang dan sistem perundangan mengatasi masalah sepatutnya menyedarkan pihak yang berkenaan. Ketidakmampuan undang-undang dan sistem perundangan mengatasi masalah sepatutnya menyedarkan pihak yang berkenaan untuk kembali kepada undang-undang Islam dalam segala aspeknya. Mana-mana yang bercanggah dengan Islam mestilah dihapuskan sewaktu muzakarah dengan semua pihak sama ada di kalangan politik, pendidik, ahli agama, dengan latar belakang yang ada di Malaysia, mesti diadakan, tetapi sangat malang penolakan Kanun Jenayah II, Negeri Kelantan dan tidak bersedia untuk bermuzakarah adalah petanda yang merugikan pihak kerajaan dan semua pihak.

Setiausaha Agung Parti Islam SeMalaysia (PAS) pernah menghantar surat rasmi kepada Setiausaha Agung UMNO supaya diadakan muzakarah berhubung dengan perkara tersebut dan pihak kepimpinan negeri Kelantan juga pernah menyuarakan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya membincangkan perkara tersebut tetapi apa yang menjadi masalah ianya dipandang sepi, muzakarah bukan suatu perdebatan, ia adalah suatu perbincangan untuk

mencari kebenaran, untuk mencari yang hak bagi menyelesaikan masalah. Kita perlu menyedari bahawa sebarang masalah yang melanda negara kita akibatnya akan menimpa semua, bukan sahaja pihak kerajaan tetapi juga pihak pembangkang, bukan sahaja orang-orang Islam tetapi juga orang-orang yang bukan Islam. Untuk mengembalikan kewibawaan perundangan negara, sistem kehakiman yang ada dalam negara ini, yang kedapatan ciri-ciri dan tanda-tanda kelemahan yang terlalu banyak.

Marilah kita mengadakan satu perbincangan yang serius yang tidak cukup dalam masa yang singkat, dalam keadaan perbahasan yang begitu rupa di Dewan Rakyat, mestilah diadakan suatu perbincangan secara ilmu, secara kajian dan pengalaman yang mendalam. Kerajaan mampu menganjurkan majlis yang seperti ini dan kerajaan mampu mengadakan perbincangan yang seperti ini dan mereka mempunyai pakar-pakar. Kalau dalam hal yang lain kita boleh mengambil pakar-pakar. Kalau tidak cukup dalam negeri kita panggil luar negeri, maka dalam hal ini juga kita boleh mengadakannya, kita boleh menganjurkannya dan kerajaan boleh menganjurkannya demi kebaikan kita bersama bagi memikul tanggungjawab dan amanah yang sangat besar, yang dibebankan kepada kita bagi menyelesaikan masalah yang menimpa kita bersama.

Kita perlu menyedari bahawa perundangan Islam adalah satu perundangan yang telah membuktikan kejayaan bukannya satu perundangan yang merupakan teori yang baru hendak diuji yang baru hendak dicuba, yang belum tentu berjaya atau gagalnya. Ia adalah suatu yang telah membuktikan kejayaan, yang mempunyai cabang-cabang mazhab yang luas, yang mempunyai kitab-kitab yang banyak yang dikarang oleh ulama. Gambarkanlah betapa banyaknya buku yang ditulis oleh sarjana Islam dalam segala bidang. Apabila Moghul yang ganas memerangi Baghdad mereka telah menjadikan kitab-kitab yang tulis itu jambatan untuk memerangi Sungai Furaq dan Dijlah sehingga air sungai menjadi hitam oleh dakwat daripada buku yang ditulis oleh ulama-ulama Islam yang terkenal dalam segala bidang ilmu pengetahuan, ilmu sains dan teknologi. Diantaranya ilmu hisab dan algebra yang masih dipakai oleh kita dan termasuklah ilmu yang berkait dengan perundangan dalam segala mazhab, dalam perbincangan dan pengalaman yang banyak.

Kita perlu menyedari bahawa ahli undang-undang Barat banyak mengkaji kitab-kitab Fiqh Islam dan terdapat sistem pentadbiran barat sendiri yang diamalkan oleh Inggeris diambil daripada sistem pendidikan Islam yang dikaji oleh mereka. Apa yang menjadi masalah ialah mereka tidak mengambil roh Islamnya. Kalau orang Barat pernah mengkaji Islam dan mereka mengambil, menimba daripadanya, maka mengapa negara kita yang mencanangkan slogan untuk menerapkan nilai-nilai Islam melangkah lebih ke depan untuk secara praktikal bagi mengkaji dengan cara yang mendalam berbincang dan melibatkan semua pihak sehingga kita dapat menghasilkan suatu natijah yang dapat memberi manfaat kepada seluruh rakyat bagi tujuan dan matlamat untuk menubuhkan masyarakat madani yang menjadi slogan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat diminta sambung besok. Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.